



# فلیتا بروئنی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.01 | SUBUH 5.11 | SYURUK 6.28 | DUHA 6.50 | ZUHUR 12.31 | ASAR 3.43 | MAGHRIB 6.32 | ISYAK 7.41

Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 31

12 MAC 2025 / 1446 رمضان 11

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

## PEMBASMIAN KEMISKINAN PERLU PENDEKATAN HOLISTIK, PENGLIBATAN SELURUH NEGARA

Oleh : Nooratini Haji Abas



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 11 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad menyembahyang setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi penyediaan perbelanjaan Tahun Kewangan 2025/2026 berjumlah BND81,701,490.00.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menggariskan perkara tersebut dalam teks kenyataan mewakili pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) pada persidangan hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim

Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Menurut Yang Berhormat, KKBS mempunyai empat bidang utama (4K) yang meliputi, pembangunan dan perkembangan belia di bawah sektor kebeliaan; pembangunan dan kecemerlangan sukan di bawah sektor kesukanan; pelestarian budaya, warisan dan sejarah di bawah sektor kebudayaan; dan pemedulian, kebajikan serta kesejahteraan masyarakat di bawah sektor kemasyarakatan, dalam mana, salah satu cabaran besar di bawah bidang ini ialah pembasmian kemiskinan.

Yang Berhormat menegaskan, kemiskinan melibatkan cabaran sosioekonomi yang kompleks dalam mana, matlamat untuk membasminya dan mengeluarkan golongan sasaran yang kurang berkemampuan daripada kitaran kemiskinan, adalah tugas yang memerlukan pendekatan holistik dan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berucap pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

- Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.

penglibatan seluruh negara secara berterusan.

>> Muka 4

## Ekonomi negara catat pertumbuhan 4.2 peratus

Siaran Akhbar :  
Jabatan Perancangan  
Ekonomi dan Statistik

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 10 Mac. - Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara pada harga tetap mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.2 peratus tahun-ke-tahun, berikutan peningkatan pada sektor minyak dan gas sebanyak 5.5 peratus dan sektor bukan minyak dan gas sebanyak 3.1 peratus pada tahun 2024.

Peningkatan bagi sektor minyak dan gas adalah didorong oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah dan gas asli, antara lain disebabkan oleh peningkatan kapasiti pengeluaran daripada telaga minyak dan gas yang sedia ada dan baharu.

Sektor bukan minyak dan gas menunjukkan pertumbuhan yang positif, didukung oleh peningkatan subsektor-subsektor seperti Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia 12.0 peratus, Perhubungan 6.0 peratus, diikuti oleh Perdagangan Borong dan Runcit 4.3 peratus.

>> Muka 3

## Meningkatkan kecekapan tenaga, memajukan pemasangan panel solar

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 11 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof mengongsikan bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) merupakan antara pengguna tenaga elektrik tertinggi di rantau ini, iaitu 800 kilowatt-sejam per kapita bagi tahun 2021 berbanding negara jiran, Malaysia iaitu 5,000 kilowatt-sejam per kapita.

Menurut ASEAN Energy Statistics 2023, ini menunjukkan keperluan meningkatkan kecekapan dan penjimatkan tenaga bagi

aspek bekalan, sistem penjanaan dan daripada segi penggunaan iaitu penggunaan pengguna atau pelanggan yang mana menjadi keutamaan Jabatan Tenaga.

"Sejak pemasangan USMS pada tahun 2022, fungsi meter real time membolehkan pengguna lebih peka terhadap penggunaan tenaga. Energy Efficiency Standard and Labelling Order, 2021, SLO pula menegah import dan penjualan peralatan elektrik yang tidak cekap tenaga sejak Januari 2023.

>> Muka 5

## Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara, 17 Mac ini

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 11 Mac. - Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1446 Hijrah akan diadakan pada Isnin malam Selasa, 17 Ramadan 1446 Hijrah bersamaan 17 Mac 2025 Masihi bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pukul 9.00 malam.

Antara pengisian acara ialah pemakluman keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah dan keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Negara

Anggota MABIMS Tahun 1446H.

Majlis juga akan diserikan dengan Persembahan Peserta Terbaik bagi setiap kategori.

Tema bagi Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1446H ialah 'Akal Sihat Dengan Al-Quran'.

Majlis tahun ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama; Jabatan Perdana Menteri; Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS; dan Imagine Sdn. Bhd.

Semoga kita semua sentiasa dirahmati dan diberkati Allah Subhanahu Wata'alaa.

MANISNYA IMAN

"KAMI akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di segenap penjuru dan pada diri mereka sendiri sehingga jelas kepada mereka bahawa Al-Quran itu adalah benar".  
- Firman Allah Subhanahu Wata'alaa dalam Surah Fushshilat,  
ayat 53.



## Berita Utama



TAZKIRAH 'Fadilat Surah Yaa Siin'  
serikan Majlis Tadarus

Muka 18



498 anak yatim terima sumbangan derma

Muka 23



NUQRA Care hulur sumbangan kongsi rezeki Ramadan

Muka 25



TERUS tingkatkan kesedaran  
penjagaan kesihatan buah  
pinggang

Muka 29

# PERBADANAN TAIB ADAKAN MAJLIS MEMBACA SURAH YAA SIIN, TAHLIL

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 10 Mac. - Lebih 200 warga Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) bersama anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad telah hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, hari ini.

Majlis ini diadakan sebagai tanda penghormatan dan doa untuk Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, yang merupakan paduka ayahanda dan bonda kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis ini juga turut didedikasikan kepada paduka anakanda

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin, diikuti dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murat.

Hadir bagi mengetuai rombongan berkenaan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejari Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Penggerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Penasihat kepada Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB.

Turut hadir, Timbalan Menteri



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir mengetuai rombongan pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Timbalan Penggerusi Perbadanan TAIB; Dato Setia Dr. Awang Haji Dennie bin Haji Abdullah; Penolong Mufti Negara (Iftha) selaku

Penggerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah Perbadanan TAIB serta Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Penasihat Syariah, pegawai-pegawai lelaki dan kakitangan Perbadanan TAIB serta anak-anak syarikatnya.

Majlis seumpama itu merupakan salah satu kegiatan keagamaan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya pada bulan Ramadan, mencerminkan komitmen institusi tersebut dalam memperkuuh amalan rohani dan mempererat hubungan dengan masyarakat.

## WAKTU SEMBAHYANG

MAC MASIHI	HARI	RAMADAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
12	RABU	11	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.43	6.32	7.41
13	KHAMIS	12	5.00	5.10	6.27	6.50	12.31	3.42	6.32	7.41
14	JUMAAT	13	5.00	5.10	6.27	6.49	12.31	3.41	6.32	7.41
15	SABTU	14	5.00	5.10	6.27	6.49	12.30	3.41	6.32	7.41
16	AHAD	15	4.59	5.09	6.26	6.48	12.30	3.40	6.32	7.41
17	ISNIN	16	4.59	5.09	6.26	6.48	12.30	3.39	6.32	7.40
18	SELASA	17	4.58	5.08	6.25	6.48	12.29	3.38	6.31	7.40

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
34 °C	34 °C	33 °C
Pekan Bangar		
33 °C	33 °C	34 °C
24 °C	24 °C	24 °C
Pekan Tutong		
33 °C	34 °C	33 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Kuala Belait		
32 °C	34 °C	32 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Wallauhala Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

## SIDANG PENGARANG

12 MAC 2025

### Komite beri sokongan penglibatan aktif wanita

**N**EGARA Brunei Darussalam (NBD) sentiasa komited dalam perlindungan wanita dan gadis dengan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan keselamatan, hak dan kesejahteraan mereka terjamin, termasuk melalui undang-undang dan dasar-dasar yang melindungi wanita daripada keganasan rumah tangga dan penderaan, sambil memberikan sokongan kepada penglibatan aktif mereka dalam pendidikan, pekerjaan dan kepimpinan.

Berdasarkan hasil Penyelidikan Pembangunan Wanita di NBD telah mengenal pasti beberapa pencapaian yang boleh dibanggakan berkaitan penyertaan dan pencapaian wanita di negara ini, khususnya dalam bidang pendidikan dan pekerjaan.

Dalam pendidikan, kadar penyertaan pelajar perempuan di peringkat rendah dan menengah hampir 100 peratus. Perkara ini mencerminkan kejayaan dasar pendidikan wajib dan akses sejagat di negara ini. Manakala wanita juga membentuk majoriti graduan di peringkat pengajian tinggi, terutamanya dalam bidang pendidikan, kesihatan dan perniagaan dengan penyertaan yang semakin meluas dalam bidang-bidang teknikal dan ICT.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad dalam perutusan sempena Hari Wanita Antarabangsa 2025 baru-baru ini.

Sementara dalam pekerjaan, penyertaan wanita dalam tenaga kerja juga kekal kukuh, dengan 76 peratus wanita berumur 25 hingga 54 tahun aktif menyumbang kepada ekonomi negara, di samping pencapaian membanggakan sebagai peneraju di peringkat ASEAN dengan 37 peratus jawatan pengurusan disandang oleh wanita. Manakala di sektor awam, wanita membentuk 56 peratus tenaga kerja, termasuk 65 peratus dalam jawatan pengurusan kanan.

Dalam hubungan ini, NBD akan terus komited dalam memperkuuh hak, kesaksamaan dan kesamarataan wanita serta gadis melalui inisiatif nasional, rangka kerja antarabangsa serta kerjasama bersama rakan strategik. Apabila wanita diberi ruang untuk berkembang, ia akan membawa kepada keluarga yang lebih kukuh, masyarakat yang harmoni dan negara sejahtera.

Hari Wanita Antarabangsa yang disambut setiap 8 Mac adalah satu kesempatan bagi menghargai sumbangan dan meraikan pencapaian wanita dan gadis. Pada tahun ini sambutannya membawa tema, 'Untuk SEMUA Wanita dan Gadis : Hak. Kesamarataan. Pemerkaasan.' (For ALL Women and Girls : Rights. Equity. Empowerment.) menekankan kepentingan menjamin hak, peluang yang saksama, serta sokongan untuk mencapai potensi sepenuhnya.

Oleh itu, setiap sokongan mestilah datang daripada dalam keluarga untuk memastikan peranan keluarga seimbang, dan semua wanita diberi peluang dan ruang serta persekitaran yang kondusif untuk berkembang maju, supaya mereka boleh menyumbang secara aktif kepada pembangunan negara. Semoga wanita di NBD akan terus meraih kejayaan dalam sama-sama membangun dan memajukan negara. - Ketua Penyuntingan (Rd)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نکارابونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# PELUANG MENDALAMI ILMU TAJWID, MEMPERBAIKI BACAAN AL-QURAN

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 10 Mac. - Kementerian Kesihatan petang tadi mengadakan Majlis Bertadarus dan Penyampaian Derma Anak-anak Yatim bagi warga Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (Hospital RIPAS) sempena bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Surau Nuurul 'Inayah, Hospital RIPAS.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham

bin Haji Jaafar. Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Seterusnya, Tadarus Al-Quran (Juzuk 10), bacaan Tahlil serta Doa Arwah dan juga bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) diketuai oleh Pegawai Pelajaran, Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital RIPAS, Awang Ahmad Syuja'e bin

Begawan Mudim Haji Metassim.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan penyampaian derma anak-anak yatim kepada 21 penerima terdiri daripada warga Hospital RIPAS.

Majlis Bertadarus berkenaan merupakan salah satu aktiviti keagamaan tahunan yang diadakan secara bergilir di keempat-empat daerah di NBD yang antara lain bertujuan untuk menyemarakkan lagi keberkatan bulan Ramadan dengan memperbanyak bacaan Al-Quran serta menghayati maknanya.

Selain meningkatkan amal ibadah, majlis berkenaan juga berperanan dalam mengukuhkan ukhuwah Islamiah dan mempereratkan silaturahim antara warga Kementerian Kesihatan dan warga Hospital RIPAS.

**YANG Berhormat Menteri Kesihatan** hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Bertadarus dan Penyampaian Derma Anak-anak Yatim bagi warga Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha sempena bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi (kiri dan atas kanan).



seharian.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khriruddin bin Pengiran Haji Yusoff; ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai dan kakitangan di hospital berkenaan.



## Ekonomi negara catat pertumbuhan 4.2 peratus

**Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

>> Muka 1

Jumlah KDNK Negara Brunei Darussalam (NBD) pada harga semasa bagi tahun 2024 adalah sebanyak BND20.7 bilion, meningkat daripada BND20.3 bilion pada tahun 2023. Daripada jumlah KDNK tersebut, sektor bukan minyak dan gas yang terutamanya terdiri daripada aktiviti hilir seperti pembuatan produk petroleum dan kimia telah

menyumbang sebanyak 53.3 peratus. Manakala sektor minyak dan gas yang merangkumi subsektor Perlombongan Minyak dan Gas dan Pembuatan Gas Cecair Asli (LNG), telah menyumbang sebanyak 46.7 peratus.

KDNK negara pada harga tetap, bagi suku tahun keempat (Q4) 2024, telah mencatatkan penurunan sebanyak 1.1 peratus tahun-ke-tahun. Ini adalah

terutamanya disebabkan oleh penurunan sektor minyak dan gas iaitu sebanyak 5.2 peratus. Walau bagaimanapun, sektor bukan minyak dan gas mencatatkan peningkatan sebanyak 2.7 peratus.


Penurunan sektor minyak dan gas bagi Q4 2024 adalah disebabkan oleh pengurangan pengeluaran gas asli dan LNG, berikutan aktiviti penyelenggaraan tidak berjadual. Pertumbuhan sektor bukan minyak dan gas adalah terutamanya didukung oleh peningkatan subsektor-subsektor seperti Pengangkutan Udara 36.5 peratus, Kewangan 6.8 peratus dan Perdagangan Borong dan Runcit 4.9 peratus.

Subsektor Pengangkutan Udara meningkat selaras dengan peningkatan jumlah penumpang udara dan kekerapan penerbangan. Manakala pertumbuhan subsektor kewangan adalah didorong oleh peningkatan pendapatan aktiviti perbankan. Pertumbuhan pada subsektor perdagangan borong dan runcit adalah terutamanya didorong oleh peningkatan penjualan kenderaan bermotor dan penjualan runcit.


Mengikut aktiviti ekonomi, sumbangan utama KDNK bagi Q4 2024 adalah sektor industri yang menyumbang sebanyak 58.7 peratus, diikuti oleh sektor perkhidmatan 40.3 peratus, dan sektor pertanian, perhutanan dan perikanan 1.0 peratus.

Bagi Q4 2024, jumlah KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa adalah sebanyak BND5.4 bilion, menurun daripada BND5.5 bilion pada Q4 2023. Daripada jumlah KDNK tersebut, sektor bukan minyak dan gas menyumbang sebanyak 56.6 peratus daripada jumlah KDNK, terutamanya terdiri daripada aktiviti hilir seperti pembuatan produk petroleum dan kimia. Manakala sektor minyak dan gas yang merangkumi subsektor

### KELUARAN DALAM NEGERI KASAR SUKU KEEMPAT 2024



### MENGIKUT JENIS AKTIVITI EKONOMI




perlombongan minyak dan gas dan pembuatan LNG, telah menyumbang sebanyak 43.4 peratus.

Mengikut pendekatan perbelanjaan, KDNK negara menurun pada Q4 2024 disebabkan oleh Eksport Barang dan Perkhidmatan yang menurun sebanyak 12.1 peratus. Walau bagaimanapun, Perbelanjaan Akhir Isi Rumah telah meningkat sebanyak 3.9 peratus, diikuti oleh Perbelanjaan Penggunaan Akhir

Kerajaan 2.3 peratus dan Pembentukan Modal Kasar 4.8 peratus.

KDNK adalah ukuran bagi jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Q4 2024 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui [deps.mofe.gov.bn](http://deps.mofe.gov.bn).



# MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



## Pembasmian kemiskinan perlu pendekatan holistik, penglibatan seluruh negara

>> Muka 1

"Oleh itu, kaola amat bersyukur, tema Tahun Kewangan 2025/2026 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur' adalah amat

bertepatan sekali dengan usaha berterusan ke arah mencapai matlamat Bangsa Brunei Cemerlang dan selari dengan misi kementerian ini, iaitu Membina Masyarakat yang Berbudaya, Berdaya Tahan,

Berdaya Saing, Bertanggungjawab dan Pemedulian," ujar Yang Berhormat lagi.

Bahkan, penerangan kepada isu-isu ini sekali gus katanya, akan menjawab soalan-soalan

yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Dilantik kerana ia adalah isu yang berkaitan iaitu PL18 daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PL32 daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji

Abd. Salam, PL44 daripada Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin dan PL137 daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

## MELAHIRKAN MASYARAKAT BERDIKARI, BERDAYA TAHAN



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 11 Mac. - Fokus strategi utama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dalam bidang kemasyarakatan adalah bagi meningkatkan Program-program Mengembang Maju Masyarakat Cemerlang, Bersatu Padu, Resilien dan Pemedulian, melalui pengurangan kadar kemiskinan dan peningkatan mandiri serta sosioekonomi golongan sasaran, pengukuhan intervensi merentas sektor dalaman dan hubungan kerjasama serantau serta antarabangsa.

Dalam melaksanakan usaha pengurangan kadar kemiskinan, ia setentunya memerlukan pendekatan yang strategik, berdasarkan data maklumat yang tepat dan penyelaras yang berkesan.

Bukan itu sahaja, tiga pendekatan utama yang saling

melengkapi diguna pakai iaitu Menjalin Kerjasama Rapat Melalui Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS), Melaksanakan Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan 2020-2024 dengan berkesan, berpandukan kepada visi Mengurangkan Kebergantungan kepada bantuan Bantuan bagi Melahirkan Masyarakat Yang Berdikari dan Berdaya Tahan dan Memaksimumkan penggunaan Sistem Kebajikan Negara (SKN).

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad menekankan demikian pada persidangan hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Menurut Yang Berhormat lagi, menjalin kerjasama rapat melalui MKIS adalah sebagai badan penyelaras utama isu sosial senegara antara agensi-agensi, termasuk membasmikan kemiskinan secara inklusif dan komprehensif, serta memastikan setiap usaha adalah berimpak dan berkesan.

Antara isu sosial yang dikenal pasti tegasnya, perlu ditangani adalah seperti isu rumah daif, pengangguran, kemiskinan, keluarga, wanita, kanak-kanak, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan warga emas yang dipantau melalui Jawatankuasa Khas masing-masing dengan menggunakan Pelan-pelan

Tindakan berkenaan dengan isu-isu berkenaan.

Seterusnya, melaksanakan Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan 2020-2024 dengan berkesan, berpandukan kepada visi mengurangkan kebergantungan kepada bantuan bagi melahirkan masyarakat yang berdikari dan berdaya tahan ini pula jelasnya merupakan rangka kerja strategik yang menyeluruh untuk menentukan hala tuju strategi pengupayaan, pemerkasaan, penglibatan dan juga perlindungan yang berdasarkan bukti dan amalan terbaik.

Antaranya, seramai 204 orang penerima bantuan katanya, telah menceburkan diri ke dalam keusahawanan dengan bimbingan dan bantuan modal berupa *microgrant*. Kementerian ini telah memperuntukkan sejumlah lebih BND130 ribu (BND130,770) bagi Program Pengupayaan Keusahawanan ini sejak lima tahun kewangan secara kebelakangan. Ini sebagai penambah kepada semua usaha yang juga dilaksanakan oleh agensi-agensi lain seperti Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB), Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Kemudian, 504 orang penerima bantuan termasuk anak-anak atau tanggungan mereka tambah Yang Berhormat, dimasukkan ke dalam Program Pelan Pekerjaan melalui program latihan dan pemasaran pekerjaan (*job matching*) dengan sektor swasta dan kerjasama dengan Pusat Pekerjaan Brunei (JobCentre Brunei - JCB) telah memperkuatkan usaha dalam membantu penerima bantuan mendapatkan pekerjaan.

Sementara itu, memaksimumkan penggunaan SKN terang Yang Berhormat, adalah sebagai mekanisme sistem dan proses digital yang memberikan sokongan pengumpulan data dan maklumat serta penganalisaan data yang teratur dan sistematik. Ini diperlukan bagi memberikan keperluan intervensi sebenar, tepat dan inklusif.

"Semenjak penubuhannya pada Julai 2020 dan setakat bulan

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Hernie Suliana Haji Othman



**ANTARA** yang hadir untuk mendengar pada persidangan hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Mac 2025, direkodkan lebih 68 ribu permohonan bantuan diterima melalui SKN; lebih 30 ribu (30,818) permohonan Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) telah dihadapkan kepada JAPEM dan lebih 36 ribu (36,020) telah dihadapkan kepada JUZWAB.

Bagi permohonan yang diterima oleh JAPEM, 87 peratus (26,881) selesai diproses dan selebihnya sedang diproses. Sebanyak 13,003 (lebih 13 ribu) permohonan Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) diluluskan; dalam mana, lebih 12 ribu permohonan dihulurkan bantuan kewangan dan hampir 300 permohonan dihulurkan bantuan secara *in-kind*; manakala, permohonan yang diluluskan secara keseluruhan iaitu di bawah JAPEM dan JUZWAB, ialah sebanyak lebih 23 ribu (23,044)," ujar Yang Berhormat.

Selain itu, Yang Berhormat juga megongsikan, Bantuan Keperluan Persekolahan Tahunan (BKPT) yang merupakan bantuan kerajaan secara *in-kind* diberikan kepada pelajar-pelajar sekolah kerajaan dan dikeluarkan dalam bentuk kupon oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Semenjak diserapkan ke dalam SKN pada tahun 2022, lebih daripada 25 ribu (25,052) pelajar daripada golongan penerima bantuan di bawah JAPEM mahupun JUZWAB telahpun menerima kupon BKPT yang bernilai di

antara BND110 hingga BND240. Secara terkumpul, sebanyak lebih 4 juta ringgit (BND4,604,560) telah dibelanjakan bagi bantuan ini.

"Dengan adanya kerjasama dan pendekatan yang sepudu ini, kita berada dalam kedudukan yang kukuh dan dalam landasan yang betul untuk mengeluarkan golongan sasaran yang kurang berkemampuan daripada kitaran kemiskinan dan seterusnya, mencapai pengurangan kadar kemiskinan serta mencapai aspirasi membina masa depan yang lebih makmur, bagi semua dan seluruh lapisan masyarakat.

"Walau bagaimanapun, setiap pencapaian yang memberangsangkan, masih ada cabaran-cabaran yang boleh mengurangkan keberkesanannya pelaksanaan strategi yang kaola gariskan tadi," ujar Yang Berhormat lagi.

Oleh yang demikian, antara usaha yang diperlukan adalah Memantapkan Mindset dan Ketersediaan Penerima Bantuan, Mengukuhkan Keperluan Sokongan Infrastruktur melalui kerjasama agensi-agensi yang berkepentingan bagi bantuan perumahan dan pengangkutan serta Meningkatkan Sokongan bagi Penjagaan Anak dalam mana, isu penjagaan anak kecil membati penerima bantuan, terutamanya ibu bapa tunggal untuk mengikuti latihan atau melibatkan diri dalam keusahawanan dan pekerjaan.

**"DENGAN adanya kerjasama dan pendekatan yang sepudu ini, kita berada dalam kedudukan yang kukuh dan dalam landasan yang betul untuk mengeluarkan golongan sasaran yang kurang berkemampuan daripada kitaran kemiskinan, dan seterusnya, mencapai pengurangan**

**kadar kemiskinan serta mencapai aspirasi**

**Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur,**

**bagi semua dan seluruh lapisan masyarakat.**

**Walau bagaimanapun, setiap pencapaian yang memberangsangkan, masih ada cabaran-cabaran yang boleh mengurangkan keberkesanannya pelaksanaan strategi yang kaola gariskan tadi,"**

**ujar Yang Berhormat lagi.**

# MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



## MENINGKATKAN KECEKAPAN TENAGA, MEMAJUKAN PEMASANGAN PANEL SOLAR

>> Muka 1

"Seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sebelum ini, kerajaan menanggung subsidi elektrik, sementara tarif regresif bagi sektor komersial pada masa ini iaitu lebih banyak pemakaian lebih murah kadar tarif, tidak mendorong kepada penggunaan pada kadar yang cekap," jelas Yang Berhormat semasa menjawab persoalan daripada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin

**"JANA kuasa baharu oleh JPE dan Syarikat Berakas Power Company dijangka siap pada tahun 2027 dan 2028 akan menggunakan teknologi Combined-Cycle Gas Turbine (CCGT) yang lebih cekap, meningkatkan kecekapan keseluruhan melebihi 35 peratus. InsyaaAllah sasaran negara untuk mencapai tahap kecekapan penjanaan keseluruhan melebihi 50 peratus menjelang tahun 2035".**

Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong; Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin dan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin mengenai perkhidmatan elektrik dan juga Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE).

Kongsi Yang Berhormat, pihak kerajaan turut memimpin usaha meningkatkan kecekapan tenaga

daripada segi penggunaan melalui pertandingan pengurusan tenaga serta memajukan pemasangan panel solar di bangunan-bangunan kerajaan. Daripada segi kecekapan sistem penjanaan pula, tahap keseluruhan kecekapan sistem penjanaan elektrik negara kini dianggarkan sekitar 28 peratus.

"Sistem ini menggabungkan teknologi berkecekapan tinggi seperti Jana Kuasa Bukit Panggal Fasa Pertama dan Jana Kuasa Berakas Projek Oregen sementara hampir 70 peratus penjanaan kepada jana kuasa lama dengan kecekapan rendah yang mana beroperasi dengan kadar kecekapan dalam 21 peratus," jelas Yang Berhormat.

"Jana kuasa baharu oleh JPE dan Syarikat Berakas Power Company dijangka siap pada tahun 2027 dan 2028 akan menggunakan teknologi Combined-Cycle Gas Turbine (CCGT) yang lebih cekap, meningkatkan kecekapan keseluruhan melebihi 35 peratus. InsyaaAllah sasaran negara untuk mencapai tahap kecekapan penjanaan keseluruhan melebihi 50 peratus menjelang tahun 2035.

Dan mengenai dengan

beberapa soalan gangguan elektrik, sebahagian besar asset jana kuasa dan rangkaian grid masih beroperasi melebihi 30 tahun yang boleh menyebabkan sistem bekalan terdedah kepada gangguan bekalan elektrik dan mempengaruhi indeks-indeks *reliability* bekalan elektrik yang dipantau rapi iaitu System Average Interruption Duration Index (SAIDI) dan System Average Interruption Frequency Index (SAIFI)," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan Indeks SAIDI adalah ukuran tempoh gangguan purata setiap pelanggan. Pelaksanaan Projek Utama Rancangan Kemajuan Negara (RKN) telah mengurangkan SAIDI dari 310 minit pada tahun 2013 ke 13 minit pada tahun 2022, setaraf dengan yang terbaik di ASEAN. Namun cabaran integriti asset pada 2023 menyebabkan SAIDI meningkat kepada 80 minit dan mampu dipulihkan kepada 40 minit pada tahun lepas.

Daripada segi Indeks SAIFI pula tambah Yang Berhormat iaitu ukuran kekerapan gangguan juga telah menurun daripada 1.2 kali setiap pelanggan kepada tahun 2023 ke 0.8 kali bagi tahun 2024.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Adapun indeks-indeks ini banyak dipengaruhi oleh gangguan rangkaian atau *transmission system* bekalan, program penambahbaikan melalui RKN dan rancangan kerja tahunan JPE, JPE sedang dilaksanakan bagi penyelenggaraan penaiktarafan sistem dan penggantian jana kuasa lama secara berperingkat demi mencapai sasaran kecekapan penjanaan melebihi 50 peratus menjelang tahun 2035 dan juga bagi untuk terus memperbaiki indeks-indeks SAIDI dan SAIFI ke tahap sebelum ini.

## Perancangan pembinaan jalan penghubung baharu Gadong, Kiulap sedang dilaksanakan

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 11 Mac. - Pada persidangan hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan

Dewan Majlis, hari ini, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid berkata bahawa Kementerian Pembangunan mengambil berat pentingnya keselamatan pengguna jalan raya

termasuk pejalan-pejalan kaki yang berhampiran dengan jalan raya, tidak dapat dinafikan bahawa pertambahan kenderaan dan kurangnya *connectivity* hubungan jalan termasuk antara kawasan komersial di Gadong dan Kiulap pada masa ini, menyumbang kepada kesesakan lalu lintas dan meningkatkan risiko keselamatan pejalan kaki.

Berdasarkan faktor ini ujar Yang Berhormat di samping permintaan yang semakin meningkat untuk pembangunan baharu di kawasan Kiulap, aspek memperbaiki *connectivity* antara Gadong, Kiulap dan Menglait diambil kira oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa (TCP) dalam Skim Perancangan Kawasan Komersial Kiulap dan Skim Perancangan Kawasan Komersial Menglait.

"Perancangan ini juga telah dibarigakan kepada orang ramai semasa pameran sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2024 pada 15 hingga 17 November 2024 yang dilaksanakan di Times Square,

YANG Berhormat Menteri Pembangunan.



Berakas.

"Antara perancangan di bawah skim-skim ini termasuklah pembinaan jalan penghubung baharu untuk mengurangkan *bottleneck* lalu lintas antara Gadong dan Kiulap yang diharapkan dapat memperbaiki aliran trafik di samping rancangan laluan pejalan kaki yang menghubungkan kedua-dua pusat komersial tersebut," jelas Yang Berhormat semasa menjawab persoalan daripada Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin mengenai peningkatan *connectivity* kawasan Gadong, Kiulap.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan matlamatnya

adalah untuk mewujudkan pembangunan masa depan di kawasan komersial tersebut dirancang dengan harmoni dan berintegrasi dengan baik bersama kawasan sekitar sekali gus memupuk persekitaran yang kondusif untuk perniagaan.

Maklumat lanjut berkenaan skim perancangan ini juga disebarluaskan dan juga boleh diakses oleh orang ramai melalui laman sesawang dan Instagram TCP, jelas Yang Berhormat.

**"PERANCANGAN ini juga telah dibarigakan kepada orang ramai semasa pameran sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2024 pada 15 hingga 17 November 2024 yang dilaksanakan di Times Square, Berakas".**

# MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



## KADAR PENGANGGURAN MENURUN KEPADA 4.8 PERATUS

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,  
Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 11 Mac. - Dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah mengongsikan kadar pengangguran menurun kepada 4.8 peratus pada tahun 2024.

Yang Berhormat menyatakan, faktor-faktornya adalah pertama, peningkatan pekerja di sektor swasta sebanyak 4 peratus dengan peningkatan yang ketara di lima sektor yang telah dikenal pasti seperti pembuatan petrol kimia dan perkhidmatan sokongan. Kedua jelas Yang Berhormat, peningkatan bagi kategori bekerja sendiri ataupun *self-employed*.

Di samping itu, tambah Yang Berhormat, pihak kerajaan telah mengungkayahkan beberapa usaha-usaha tambahan untuk terus menangani isu

pengangguran seperti mencepatkan pengambilan dalam Perkhidmatan Awam *outsourcing government service*, mempromosikan secara aktif pengambilan lain-lain termasuk perantisan di badan-badan berkanun, di syarikat-syarikat PMKS, memperkenalkan Program SkiPPA dan sebagainya.

Yang Berhormat menjelaskan demikian semasa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim mengenai dengan penurunan pengangguran semasa mesyuarat yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Pada mesyuarat tersebut, Yang Berhormat turut mengongsikan maklumat mengenai beberapa soalan yang dikemukakan oleh beberapa orang Ahli-ahli MMN iaitu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada persidangan hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, MMN di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan juga Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam mengenai dengan peruntukan untuk Program Pusat

Pekerjaan Brunei (PPB) sejumlah melebihi BND19 juta.

"Untuk mengongsikan maklumat mengenai dengan jumlah peruntukan ini adalah dikhaskan untuk Program i-Ready dan juga kursus jangka pendek seperti SkillsPlus dan *soft skill training* dan sebagainya.

Daripada segi pencapaian, seperti mana kaola pernah mengongsikan daripada Program

i-Ready 72 peratus peserta sudah mendapat pekerjaan dan bagi kursus pendek 55.6 peratus sudah mendapat pekerjaan. Jadi, kursus pendek ini bukannya satu *formal qualification*, ani ganya untuk meningkatkan saja kemahiran bukannya satu *qualification* yang seperti *degree* ataupun TVET ataupun sebagainya," ujar Yang Berhormat.

## NBD terus komited bekerjasama rapat dengan Negara Anggota ASEAN

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 11 Mac. - Negara Brunei Darussalam (NBD) juga memberikan bantuan kemanusiaan kepada pelarian Rohingya termasuk melalui sumbangan kewangan pada tahun 2017 dan 2018 serta penyediaan *humanitarian assistance* seperti pam-pam air dan generator di Cox's Bazar, Bangladesh.

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof menjelaskan, NBD juga bukanlah sebuah negara ahli ataupun negara yang menandatangani di United Nation Convention Relating to The Status of Refugee ataupun Protocol Relating to The Status of Refugee yang memperuntukkan hak dan perlindungan kepada individu-individu negara asing yang melarikan diri untuk mendapat bantuan asas seperti penempatan pekerjaan dan pendidikan.

"Walau bagaimanapun NBD, walaupun kita bukan ahli kepada *convention-convention* tersebut, NBD terus menyokong

usaha-usaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam memberikan bantuan kepada pelarian Rohingya," ujar Yang Berhormat pada persidangan hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Selain itu, jelas Yang Berhormat, NBD terus komited untuk bekerjasama rapat dengan Negara-negara Anggota ASEAN dalam usaha menyokong Myanmar bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan penduduk di Negeri Rakhine terjamin.

Yang Berhormat menambah, termasuk memudahkan pemulangan pelarian-pelarian Rohingya secara sukarela dan selamat di mana ASEAN juga menggalakkan Setiausaha Agung ASEAN untuk mengenal pasti langkah-langkah bagi memudahkan proses pemulangan pelarian tersebut.

Perkara demikian dijelaskan

oleh Yang Berhormat semasa menjawab persoalan-persoalan yang berkaitan perkara yang sama dikemukakan oleh Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong dan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan, isu pendaratan pelarian Rohingya dilaporkan berlaku di kawasan-kawasan perairan Malaysia, Indonesia, Thailand dan juga Australia dan merupakan laluan terdekat bagi perjalanan bot-bot pelarian berkenaan melalui Teluk Bengal.

Sementara itu, semasa menjawab mengenai dengan pengurusan pejabat perwakilan luar, Yang Berhormat mengongsikan, jumlah keseluruhan jawatan pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri adalah 1,202 jawatan tetapi sebanyak jawatan yang berisi pada masa ini adalah 1,065.

"Daripada jumlah tersebut sebanyak 165 pegawai kementerian ini ditugaskan di luar negeri sebagai *home-based staff*

dan 471 kakitangan ambilan tempatan *locally engaged staff* sedang berkhidmat di Pejabat-pejabat Perwakilan NBD.

Daripada kalangan kakitangan *locally engaged staff* tersebut seramai 15 orang terdiri daripada warga NBD dan selebihnya warga negara asing. Ini menjadikan keseluruhan seramai 180 orang warga Brunei Darussalam yang bertugas di luar negara di Pejabat-pejabat Perwakilan NBD pada masa ini," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, bagi kakitangan *locally engaged staff* sama ada warganegara Brunei Darussalam atau warga asing, semuanya menerima faedah perkhidmatan dan kemudahan yang sama rata mengikut peraturan lantikan pekerja-pekerja tempatan di agensi Brunei di mana mereka ini terikat dengan peraturan dan undang-undang buruh di negara berkenaan.

Oleh yang demikian tambah Yang Berhormat, faedah perkhidmatan dan kemudahan yang dihulurkan kepada kakitangan *locally engaged staff*,



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

adakah ia rakyat Brunei ataupun rakyat negara lain secara umumnya tidak sama dengan yang dihulurkan kepada *home-based staff*.

Yang Berhormat menambah, beberapa kemudahan yang tidak ditanggung oleh pihak kerajaan bagi kakitangan *locally engaged staff* antaranya seperti bayaran sewa rumah, kediaman, tiket penerbangan, visa, elaun-elaun pasangan dan anak, persekolahan-persekolahan anak-anak dan sebagainya.

# MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



## IPA PASTIKAN KURSUS DILAKSANAKAN BERPANDUKAN 'LEARNING NEEDS ANALYSIS'

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,  
Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Selasa, 11 Mac. - Institut Perkhidmatan Awam (IPA) akan memastikan kursus dan program yang dilaksanakan adalah berpandukan kepada *learning needs analysis* setiap agensi kerajaan dan akan dapat menyumbang kepada produktiviti

Perkhidmatan Awam.  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof menyatakan demikian bagi menjawab persoalan

yang diutarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

"Salah satu inisiatif yang dijalankan adalah Kajian Impak dilaksanakan sejak tahun 2022 bertujuan untuk melihat keberkesanan dan kualiti program yang ditawarkan oleh IPA.

Dapatan daripada kajian tersebut menunjukkan impak

yang memberangsangkan kepada mutu kerja dan produktiviti organisasi dilihat. Dapatan ini menunjukkan penyejajaran antara kursus yang ditawarkan dengan keperluan kursus," ujar Yang Berhormat pada persidangan hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Bagaimanapun, jelas Yang Berhormat, dapatan ini hanya melihat kepada impak kursus kepada kursus yang telah diiktuti contohnya impak kepada mutu kerja hasil daripada penyertaan Kursus ICT.

Berkaitan dengan mutu kerja dan produktiviti keseluruhan terang Yang Berhormat lagi, adalah diharapkan individu-individu yang menjalani latihan berkenaan untuk menggunakan pakai kemahiran yang diperoleh demi peningkatan produktiviti agensi masing-masing.

Terdahulu, Yang Berhormat telah menyentuh mengenai beberapa inisiatif Pejabat Peguam Negara telah dilaksanakan bagi mengatasi cabaran-cabaran yang dihadapi.

Antara inisiatif tersebut jelas Yang Berhormat seperti pembangunan kapasiti dan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II (atas), sementara gambar kiri, sebahagian yang hadir mendengarkan persidangan.

penambahbaikan proses. Bagi tahun seterusnya pihak Pejabat Peguam Negara juga merancang beberapa inisiatif bagi terus lagi mempertingkatkan perkhidmatan perundangan yang diberikan.

Walau bagaimanapun, terang Yang Berhormat penjelasan lanjut berhubung dengan perancangan-perancangan bagi tahun seterusnya akan dijawab secara bertulis termasuk juga mengenai dengan sistem kehakiman sivil dan syariah.



## Memastikan pelaksanaan dasar luar negara yang berkesan

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Selasa, 11 Mac. - Selaras dengan matlamat mempromosi dan melindungi kepentingan Negara Brunei Darussalam (NBD) mempunyai sebanyak 43 pejabat perwakilan di luar negara.

Ini termasuk juga kepada pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa seperti ASEAN, seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN). Pejabat-pejabat perwakilan ini memainkan peranan penting dalam mengetengahkan kepentingan negara dalam memelihara kesejahteraan rakyat NBD di luar negara serta juga memajukan hubungan diplomatik.

Menyatakan demikian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof menyatakan pada persidangan hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Menurut Yang Berhormat, ini termasuk mempelbagaikan ekonomi, menarik pelaburan asing, memajukan bidang pendidikan dan sumber tenaga manusia, menampilkan tradisi budaya kita di dunia luar serta meneroka bidang-bidang kerjasama baru dengan negara-negara sahabat.

Oleh yang demikian, jelas Yang Berhormat, pihak kementerian

sentiasa komited dengan meningkatkan lagi keupayaan fungsi dan pejabat-pejabat perwakilan di luar negara bagi memastikan ia dapat menjalankan tanggungjawab secara lebih berkesan.

"Seperti yang diketahui, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN) bukanlah sebuah kementerian yang besar. Kaola, peramba, saya tadi menyatakan kakitangan yang kira-kiranya 1,065 orang pegawai termasuk juga kakitangan ambilan tempatan di pejabat-pejabat perwakilan kita di luar negara.

KHELN perlu mengukuhkan pengurusan sumber tenaga manusia di samping peruntukan yang mencukupi bagi menggalas

tanggungjawab yang kian meningkat. Selari dengan meningkatnya komitmen serta kerjasama negara ini di peringkat antarabangsa," ujar Yang Berhormat.

Selain itu, tambah Yang Berhormat dengan cabaran diplomasi yang semakin kompleks adalah amat penting untuk sentiasa memperkembangkan keupayaan pegawai-pegawai KHELN ini dalam memastikan pelaksanaan dasar luar negara yang berkesan.

Ini antara lain melalui jaringan *networking* yang luas dengan rakan-rakan di luar negara serta mengungkayahkan acara-acara diplomatik, jelas Yang Berhormat lagi.

**KONGSI Yang Berhormat, aset-aset ini memerlukan pemeliharaan yang berterusan dan penjagaan mengikut piawaian peraturan setempat dari semasa ke semasa. Penyelenggaraan aset-aset ini adalah penting bagi memastikan pejabat-pejabat perwakilan berfungsi optimum yang mana mencerminkan imej NBD di peringkat antarabangsa.**

Sebagai barisan hadapan NBD di persada antarabangsa terang Yang Berhormat, mereka perlu menjalankan tugas dengan penuh profesionalisme dan penuh dedikasi. Oleh yang demikian, KHELN juga akan sentiasa berusaha memastikan kebijakan pegawai dan kakitangannya diberi keutamaan termasuk yang *mental health* dalam menghadapi kenaikan kos dan sara hidup di luar negeri.

"Antara usaha yang telah dilaksanakan oleh KHELN adalah menyediakan bayaran gaji yang lebih kompetitif bagi kakitangan ambilan tempatan ataupun *locally engaged staff* yang berkhidmat di pejabat-pejabat perwakilan NBD.

Di samping bagi memenuhi peraturan dan undang-undang buruh di negara-negara berkenaan, langkah ini bertujuan untuk menarik sumber tenaga kerja yang lebih berkebolehan dan seterusnya meningkatkan produktiviti serta menyumbang kepada keberkesanan operasi pejabat perwakilan," jelas Yang Berhormat.

Selain itu, tambah Yang Berhormat lagi, peruntukan KHELN juga ditumpukan kepada pemeliharaan aset-aset kerajaan dan perwakilan kita di luar negara seperti bangunan, pejabat, rumah-rumah kediaman rasmi Duta-duta Besar, Pesuruhjaya Tinggi, kediaman-kediaman pegawai-pegawai dan kenderaan-kenderaan.

Kongsi Yang Berhormat, aset-aset ini memerlukan pemeliharaan yang berterusan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

dan penjagaan mengikut piawaian peraturan setempat dari semasa ke semasa. Penyelenggaraan aset-aset ini adalah penting bagi memastikan pejabat-pejabat perwakilan berfungsi optimum yang mana mencerminkan imej NBD di peringkat antarabangsa.

"Secara keseluruhannya, KHELN bertanggungjawab memelihara dan menguruskan aset-aset di dalam dan di luar negara termasuk Ibu Pejabat KHELN yang terletak di Subok, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Bubungan Dua Belas dan 80 buah bangunan di luar negara yang merangkumi pejabat-pejabat perwakilan, kediaman rasmi dan kediaman pegawai-pegawai," jelas Yang Berhormat.

# MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



## PENYEJAJARAN DASAR KERAJAAN UNTUK PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN TEMPATAN

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,  
Hernie Suliana Haji Othman



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 11 Mac. - Satu perkara penting dalam pembangunan industri negara adalah penyejajaran dasar kerajaan termasuk pengawalseliaan.

Pada masa ini, memang sudah terdapat pengawal selia bagi aktiviti masing-masing sebagai contoh isu tanah termasuk penyalahgunaan tanah di bawah Jabatan Tanah, isu-isu bangunan di bawah ABCI bagi kawasan bandaran dan TCP bagi kawasan daerah, Fire Safety Order di bawah Jabatan Bomba dan

Penyelamat untuk premis perniagaan.

Perkara itu dijelaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim mengenai kedudukan terkini mengenai Integrated Industrial Policy.

Pada persidangan hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis itu, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, aktiviti-aktiviti perniagaan di Negara Brunei Darussalam sebelum ini pernah dikawal selia di bawah Miscellaneous Licences Act, melalui pemberian lesen perniagaan yang dikenali sebagai Lesen Rampaian yang dikeluarkan di bawah bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan aktiviti perniagaan makanan oleh Autoriti Makanan Brunei Darussalam, BDFA.

Walau bagaimanapun, akta tersebut katanya, telah dimansuhkan pada tahun 2016 mengambil kira keperluan untuk mendapatkan lesen tersebut telah memberikan kesan negatif kepada kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam Ease of Doing Business.

Selaras pemansuhan Miscellaneous Licenses Act, beberapa agensi menurut Yang Berhormat, telah mengambil inisiatif untuk mengawal selia beberapa jenis aktiviti perniagaan tertentu seperti Establishment Kecantikan dan Kesihatan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan aktiviti perniagaan makanan oleh Autoriti Makanan Brunei Darussalam, BDFA.

Meskipun langkah-langkah ini telah diambil, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi tegasnya lagi telah mendapati bahawa ada aktiviti-aktiviti perniagaan tertentu yang masih belum dikawal selia oleh mana-mana agensi.

Oleh itu, Yang Berhormat menegaskan pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah meneliti kesesuaian Perintah Penyelarasaran Perindustrian, 2001, Industrial Coordination Order, 2001 - ICO 2001, yang belum pernah dikuatkuasakan sebelum ini dan merancang untuk meminda serta memperluaskan

skop ICO 2001. Hasrat pindaan ini tambahnya, bertujuan untuk mewujudkan pengawalseliaan dengan dasar-dasar yang tertentu yang lebih menyeluruh terhadap pelbagai aktiviti perindustrian termasuk aktiviti pembuatan, perniagaan peruncitan serta aktiviti perindustrian lain.

Dengan pindaan ini, ICO 2001 terangnya, akan dijadikan sebagai rangka kerja pengawalseliaan dengan dasar yang lebih komprehensif, teratur dan berupaya menangani aktiviti-aktiviti perniagaan yang masih belum dikawal selia di negara ini.

Yang Berhormat mengharapkan langkah dapat menyumbang kepada pembangunan industri dan ekonomi yang lebih teratur. Perkara ini juga akan diperkuahkan lagi dengan pengemaskinian Akta ICO, 2001 yang pada masa ini dalam penelitian agensi kerajaan yang berkenaan.

Terang Yang Berhormat, antara manfaat-manfaat pindaan ICO 2001 di atas, agensi-agensi yang terlibat seperti Brunei Darussalam Food Authority, BDFA, Authority on Building Control and Construction Industry, Jabatan Buruh, Jabatan Pengangkutan Darat, JPD dan lain-lain yang berkepentingan dapat meneliti

dan memudahkan lagi dasar-dasar di bawah kuasa bidang mereka masing-masing untuk mencapai matlamat negara selaras dengan Economic Blueprint dan peta-peta perindustrian yang sedia ada pada masa ini.

"Oleh itu, memandangkan usaha ini ada cross-cutting di antara beberapa kementerian dan agensi kerajaan serta sektor swasta seperti institusi-institusi kewangan, dasar bagi pembangunan industri akan memerlukan pendekatan yang lebih coordinated dan secara Whole of Nation Approach untuk menghasilkan impak yang besar dan positif kepada pertumbuhan ekonomi."

Pada masa yang sama, ia juga akan memastikan ketelusan sebarang tindakan yang diambil dan akan dapat memudahkan pendapatan sasaran bagi pembangunan industri," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat mengatakan, dengan penggubalan dan pengemaskinian perintah ini, Brunei Darussalam bukan sahaja menawarkan ekosistem perindustrian yang lebih terkawal dan teratur bahkan ia juga akan menyajarkan dasar-dasar kerajaan yang lebih menyeluruh untuk mendukung usaha pembangunan perindustrian tempatan.

## Memperkasa warga emas ke arah gaya hidup sihat, berjaya



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 11 Mac. - Dalam fokus Strategi Pendekatan Bersepadu Untuk Meningkatkan Kesejahteraan Warga Emas, yang selari dengan tiga matlamat Jawatankuasa Khas Warga Emas, iaitu Pembangunan Warga Emas, dan Kesejahteraan Warga Emas, dan Sistem Sokongan Warga Emas.

Pendekatan bersepadu ini

termasuk Bantuan Kewangan dan In-kind untuk Warga Emas iaitu sehingga Februari 2025, seramai lebih 44 ribu (44,405) penerima Pencen Umur Tua; dan lebih 1,600 (1,607) warga emas juga merupakan penerima bantuan di bawah JAPEM dan JUZWAB, iaitu, hampir 17 peratus; 147 warga emas yang berpenghidupan susah menerima tambahan bantuan kewangan di

bawah JAPEM sebanyak BND100 sebulan; 83 warga emas yang terlantar dan uzur dihulurkan bantuan secara in-kind iaitu lampin bernilai BND100 sebulan dan susu bernilai BND100 sebulan.

Menyatakan perkara itu dalam kenyataannya pagi tadi pada persidangan hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Selain itu, kedua, Penglibatan Komuniti dan Pelbagai Inisiatif termasuk, Kesedaran gaya hidup sihat melalui TEGAS Walkathon 2023 oleh mahasiswa-mahasiswa perubatan, Universiti Brunei Darussalam (UBD), dan Virtual The Golden Milestones 2024 oleh Brunei Medical Students Association; Projek Memeduli Warga Emas yang pada masa ini memeduli 57 warga emas di keempat-empat daerah yang pernah melibatkan kerjasama dengan Alumni Kapal Belia, HEART Volunteers dan terkini, organisasi Food Life bagi pengagihan makanan kepada warga emas yang tinggal sebatang kara; Program Capaian (outreach) Komuniti bersama belia-belia yang dikendalikan oleh institusi-institusi pengajaran tinggi seperti Pertandingan Boling UBD

dan kempen kebersihan bersama sukarelawan dari IBTE, UBD, UNISSA dan PKBN; dan Program Kesejahteraan Mental dan Fizikal seperti latihan barista, permainan tradisional, latihan rintangan, kekuatan dan keseimbangan dengan elemen solat. Ketiga, Peningkatan Perkhidmatan di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE).

"Alhamdulillah, peningkatan prestasi PKWE di seluruh daerah dilihat daripada beberapa aspek seperti lebih 1,300 (1,302) keahlian di seluruh daerah; 791 aktiviti pembangunan kapasiti seperti keagamaan, kemasyarakatan, kesihatan dan keusahawanan; Pengiktiran PKWE Tutong dalam World Health Organisation (WHO) Global database on 'Age Friendly Practices' yang mana ini satu pencapaian yang patut dibanggakan; dan Perancangan untuk menambah penubuhan PKWE bagi memperluaskan capaian dan akses program dan perkhidmatan".

**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.**

untuk menambah penubuhan PKWE bagi memperluaskan capaian dan akses program dan perkhidmatan," terangnya lagi.

Kesimpulannya, pendekatan ini jelas Yang Berhormat bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup warga emas ke arah penuaan yang aktif dan berjaya. Bantuan dan perkhidmatan yang dihulurkan kepada warga emas bukan sahaja daripada aspek bantuan kewangan tetapi pembentukan ekosistem program yang merangkumi gaya hidup sihat, latihan kemahiran dan kreatif, keusahawanan, hubungan antara-generasi dan teknologi digital.

Dalam hal ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan katanya, bersama rakan-rakan strategik akan terus menerusi usaha pembasmaran kemiskinan dengan pendekatan yang lebih strategik, inklusif dan mampan. Sesungguhnya, kejayaan usaha ini adalah bergantung kepada sokongan sepadu dan kerjasama berterusan daripada semua pihak.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan menyertu kepada semua pemegang taruh (stakeholders) untuk terus bersama-sama dalam merealisasikan masyarakat yang sejahtera, berdikari dan maju ke arah Bangsa Brunei Cemerlang. Dengan bekerja secara kolektif dan sepadu.

# MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



## PMKS BERKEMBANG SEIRING PERTUMBUHAN FDI

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,  
Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 11 Mac. - Pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) sedang giat aktif mengadakan beberapa promosi peluang pelaburan melalui ekspo-ekspo serantau dan antarabangsa di negara-negara yang disasarkan seperti Jepun, Korea Selatan, Australia, Republik Singapura dan Republik India untuk menjadi pelabur Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke negara ini.

Bagi memastikan penglibatan pengusaha tempatan dalam meraih peluang perniagaan daripada FDI, termasuk peluang *spin-off* atau penglibatan dalam rantaian nilai dan pembekalan barang-barang dan perkhidmatan, pihak BEDB sentiasa mempromosi peluang-peluang tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, berkata demikian semasa menjawab soalan yang dikemukakan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim pagi tadi pada persidangan hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di

Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Menurut Yang Berhormat, inisiatif ini melibatkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan sebagai syarikat pembekal dan vendors kepada syarikat-syarikat besar, termasuk FDI. Melalui DARe LINKS, lebih daripada 600 peluang kontrak telah pun diiklankan untuk ditawarkan kepada perusahaan tempatan. Projek-projek seperti di sektor hiliran minyak dan gas telah menjana kesan *spin-off effects* yang positif.

Yang Berhormat mengongsikan Operasi Hengyi Industries Sdn. Bhd. telah memperoleh khidmat dan bekalan daripada 121 syarikat tempatan, Brunei Fertilizer Industries sebanyak 230 syarikat tempatan, dan Brunei Methanol Company sebanyak 32 syarikat tempatan. *Spin-off effects* ini tidak hanya menambah peluang perniagaan kepada PMKS tempatan tetapi juga meningkatkan *capability* dan kapasiti operasi mereka.

Ini tambah Yang Berhormat lagi, mendorong penubuhan perusahaan-perusahaan baharu untuk memenuhi keperluan syarikat-syarikat besar dan FDI dalam pelbagai industri. Perusahaan-perusahaan yang terlibat telah membekalkan perkhidmatan seperti IT, infrastruktur dan pembinaan, pengurusan fasiliti dan penyelenggaraan, perkhidmatan mekanikal dan elektrik,

pengurusan fasiliti dan perkhidmatan pembersihan, penyelenggaraan landskap & kawasan, pengurusan acara dan perkhidmatan kreatif, keselamatan, katering, latihan HSE, dan pembekalan produk barang seperti pakaian dan peralatan pelindung diri, PPE serta peralatan ICT.

"Selain itu, syarikat-syarikat FDI seperti kilang pengeluaran Asid Asetik dan Anilin, AAA ataupun Projek AAA telah ditubuhkan sebagai projek *spin-off* daripada syarikat usaha-sama kerajaan, iaitu Syarikat Polygel Organometallic Sdn. Bhd. Projek AAA ini menggunakan produk-produk petrokimia dari syarikat Hengyi, BFI dan BMC sebagai bahan mentah utama.

Syarikat Brunei Rotary Engineering Sdn. Bhd. juga telah ditubuhkan untuk mendukung kilang-kilang dan syarikat-syarikat yang sedia ada dalam perkhidmatan Engineering, Procurement and Construction, EPC. Syarikat BFI berpotensi membuka peluang pelaburan baharu dengan menggunakan pengeluaran produk mereka seperti ammonia dan urea untuk kilang pengeluaran formaldehyde, melamine, dan sebagainya. Syarikat-syarikat FDI telah memberikan impak positif dengan menambah peluang perniagaan kepada penubuhan syarikat PMKS tempatan, meningkatkan operasi dan memenuhi keperluan perkhidmatan bagi syarikat-syarikat FDI tersebut," Kongsi Yang Berhormat lagi.

Pada tahun 2024, perbelanjaan kepada pengusaha-pengusaha tempatan untuk perkhidmatan

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.



kejuruteraan khas, perkhidmatan marin, perkhidmatan penyelenggaraan, pengurusan sisa dan perkhidmatan keselamatan sekurang-kurangnya jelasnya, berjumlah BND32.3 juta.

Malahan, kategori perkhidmatan logistik untuk import, eksport, pergudangan dan logistik secara umum mencapai perbelanjaan sekurang-kurangnya BND16.65 juta. Pembekal bahan kimia, jentera, dan tenaga kerja terangnya, mencapai perbelanjaan sekurang-kurangnya BND9.64 juta.

Terbukti bahawa pengusaha-pengusaha tempatan

menurutnya, telah meningkatkan kapasiti mereka secara beransur-ansur dengan sokongan daripada syarikat-syarikat FDI. Pada masa hadapan, mereka akan dapat berkembang lagi seiring dengan pertumbuhan FDI di Negara Brunei Darussalam.

**"SELAIN itu, syarikat-syarikat FDI seperti kilang pengeluaran Asid Asetik dan Anilin, AAA atau pun Projek AAA telah ditubuhkan sebagai projek *spin-off* daripada syarikat usaha-sama kerajaan, iaitu Syarikat Polygel Organometallic Sdn. Bhd. Projek AAA ini menggunakan produk-produk petrokimia dari syarikat Hengyi, BFI, dan BMC sebagai bahan mentah utama".**

## Logo Pilihan Lebih Sihat tingkat kesedaran tentang pemakanan sihat

**"UNTUK pelaksanaannya, pelabelan mandatori memerlukan pindaan terhadap Akta Makanan yang sedia ada. Di samping itu, faktor kos seperti analisis makmal dan perubahan pembungkusan produk juga perlu diambil kira terutamanya bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana tempatan".**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 11 Mac. - Sejak tahun 2017, makanan dan minuman pra-bungkus yang memenuhi kriteria nutrient yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan layak untuk memohon dan dianugerahkan Logo Pilihan Lebih Sihat Brunei Darussalam, yang merupakan sebahagian daripada BRUMAP-NCD, bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang pemakanan sihat.

Inisiatif logo tersebut telah diperkenalkan sebagai langkah untuk membantu pengguna membuat pilihan makanan dan minuman yang lebih sihat.

Menyatakan kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar memberitahu perkara itu berhubung persoalan pelaksanaan sistem perlabelan minuman, yang diajukan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee pada persidangan hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Melalui inisiatif ini katanya,

pengguna dapat mengenal pasti produk yang lebih sihat dengan lebih mudah ketika membeli-belah di pasar raya.

Sepanjang pelaksanaannya Logo Pilihan Lebih Sihat ujarnya telah dijalankan secara sukarela or voluntary. Berdasarkan data permohonan, kategori minuman merangkumi sekitar 60 peratus daripada jumlah keseluruhan permohonan. Menurut Yang Berhormat, minuman yang mengandungi kurang daripada 5 gram dalam 100 mililiter layak untuk mendapatkan logo ini sejajar dengan usaha menggalakkan pengambilan kadar minuman yang lebih sihat dalam kalangan pengguna.

Bahkan, katanya, cukai eksais terhadap minuman tinggi gula juga telah diperkenalkan di negara ini pada 1 April 2017 oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Pindaan kepada kadar Duty Import Kastam dan Eksais pada, Mei 2023 iaitu mengenakan cukai sebanyak BND4 setiap 10 liter minuman yang mengandungi gula.

Bukan itu sahaja, perlabelan mandatori bagi kandungan gula, garam dan lemak dalam makanan dan minuman menurutnya, adalah

YANG Berhormat Menteri Kesihatan.



salah satu tindakan di bawah Cross-Functional Team for Improving Brunei's Food Environment dan salah satu inisiatif di bawah Pelan Strategik Kementerian Kesihatan 2019-2023, iaitu strategic goal yang kedua, iaitu Pencegahan dan Pengawalan Penyakit-Penyakit yang Tidak Berjangkit.

"Untuk pelaksanaannya, perlabelan mandatori memerlukan pindaan terhadap Akta Makanan yang sedia ada. Di samping itu, faktor kos seperti analisis makmal dan perubahan pembungkusan produk juga perlu diambil kira terutamanya bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana tempatan.

Walau bagaimanapun, penggunaan label dari negara lain yang sudah mempunyai sistem perlabelan serupa tidak menjadi masalah dan ini boleh digunakan bagi memudahkan proses pengimportan," ujar Yang Berhormat lagi.

Oleh itu, Yang Berhormat menegaskan perbincangan lanjut

bersama Autoriti Makanan Brunei Darussalam (BDFA), industri makanan dan minuman serta pihak berkepentingan lain perlu diadakan bagi menilai keperluan dan cabaran sebelum bergerak ke arah perlabelan mandatori.

Namun salah satu langkah yang penting dalam mencegah peningkatan diabetes tegasnya lagi adalah melalui kesedaran awam secara menyeluruh untuk membuat pilihan makanan dan minuman yang sihat serta menyertai saringan kesihatan yang sedia ada.

## MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



# PENGGUNAAN 'FACIAL RECOGNITION' DALAM SSM DISAMBUT BAIK



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 10 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin dalam merujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam membangkitkan mengenai isu kedatangan pegawai dan kakitangan kerajaan.

Seperti yang dimaklumi pada masa ini, sistem yang diguna

pakai ialah Sistem Sumber Manusia (SSM) yang mengandungi banyak fungsi termasuk pegawai dan kakitangan itu mencatat sendiri dalam sistem kedatangan mereka apabila hadir dan keluar masuk pejabat.

Namun sistem ini ada kelemahannya, di mana ada kakitangan yang memesankan rakan kerja untuk mencatat dengan diberi Username dan Password. Walhal, mereka belum lagi sampai ke pejabat. Isu ini adalah tidak sihat dan menjelaskan kualiti dan keberkesanan perkhidmatan pihak kerajaan.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa mencadangkan reformasi bagi catatan kedatangan ini, menggunakan sistem *face recognition* dengan menggunakan teknologi AI dengan dukungan pemasangan CCTV di kawasan jabatan berkenaan.

Yang Berhormat percaya, jika sistem ini diprogram dengan wajarnya, ia tidak akan membebankan warga Perkhidmatan Awam, malah menguntungkan pihak kerajaan daripada aspek mempertingkatkan lagi mutu keberkesanan Perkhidmatan Awam dan mengelakkan daripada sesetengah warga Perkhidmatan

Awam yang suka memanipulasi sistem yang ada sekarang.

Demikian yang diujarkan oleh Yang Berhormat pada persidangan hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini, yang terkandung dalam perbahasan Rang Belanjawan Tahun Kewangan 2025 / 2026, Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini.

Sehubungan itu, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin

Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof menjelaskan bahawa dalam konteks penggunaan dalam SSM dalam Perkhidmatan Awam pada masa ini, log kehadiran dalam waktu pejabat telah dijana melalui Kod QR yang mana adalah unik kepada semua bangunan dan pejabat kerajaan kerana menggunakan kaedah kordinat GPS yang mana pada masa ini adalah dianggap memadai.

"Walau bagaimanapun,

**MENTERI di JPM dan Menteri Pertahanan II,  
Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar  
Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji  
Mohd. Yussof menjelaskan bahawa dalam  
konteks penggunaan dalam SSM dalam  
Perkhidmatan Awam pada masa ini, log  
kehadiran dalam waktu pejabat telah dijana  
melalui Kod QR yang mana adalah unik  
kepada semua bangunan dan pejabat  
kerajaan kerana menggunakan kaedah kordinat  
GPS yang mana pada masa ini adalah  
dianggap memadai.**

penggunaan *facial recognition* dalam SSM adalah disambut baik dan akan diteliti kesesuaianya. Projek aplikasi mudah alih atau *mobile apps* untuk SSM adalah platform yang akan diteroka atau diteliti bagi penggunaan kaedah biometrik termasuk *facial recognition*," ujar Yang Berhormat lagi.



**AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.**



**YANG Berhormat Menteri Pembangunan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 10 Mac. - Menanti Projek Mitigasi yang dilaksanakan akan mengambil masa paling panjang disebabkan oleh kekerapan

berlakunya banjir-banjir kilat di kawasan-kawasan pembangunan seperti di kawasan perumahan dan *business-business entity*. Apakah ada fasiliti atau *entity* kerajaan yang dapat dihubungi untuk dapat memberi bantuan bagi membantu individu tersebut dalam pembersihan yang selalu terjadi disebabkan oleh kebanjiran?

Demikian soalan tambahan lisan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin kepada Menteri Pembangunan, Yang Berhormat

**DI dalam membuat pembersihan kesan daripada banjir ini, jawab Yang Berhormat, jika ia melibat kawasan-kawasan awam jadi setentunya tindakan itu akan dibuat oleh jabatan-jabatan di dalam kawasan autoriti daerah dan juga melibatkan peranan dari Jabatan Kerja Raya (JKR) dan jabatan, agensi-agensi di bawah Jabatan Bandaran dan Jabatan Daerah dan di mana ia melibatkan kawasan-kawasan persendirian.**

Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid pada persidangan hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Di dalam membuat pembersihan kesan daripada banjir ini, jawab Yang Berhormat, jika ia melibat kawasan-kawasan awam jadi setentunya tindakan itu akan dibuat oleh jabatan-jabatan di dalam kawasan autoriti daerah dan juga melibatkan peranan dari Jabatan Kerja Raya (JKR) dan jabatan, agensi-agensi di bawah Jabatan Bandaran dan Jabatan Daerah dan di mana ia melibatkan kawasan-kawasan persendirian.

Tetapi apa yang terjadi sebelum ini, ujar Yang Berhormat lagi, ada penglibatan daripada satu pihak di mana peranan yang diambil oleh ketua kampung turut dilibatkan juga dan berhubung dengan agensi-agensi melibatkan agensi daerah dan juga JKR itu sendiri untuk menyediakan peralatan-peralatan dan juga memberikan tenaga-tenaga sukarelawan bagi membantu di dalam membuat pembersihan-pembersihan ini.

Perkara ini pernah dibuat di Daerah Brunei dan Muara, namun sekiranya perkara ini terjadi, apa yang perlu dilakukan ialah untuk berhubung dengan satu iaitu kita



**AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin (kanan), manakala gambar bawah, antara yang hadir mendengarkan persidangan.**





# MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

## PELBAGAI INISIATIF PASTIKAN PEMULIHARAAN, PEMELIHARAAN WARISAN BERSEJARAH

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 10 Mac. - Bagi mengulas pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai atas pertanyaan PL74 mengenai perancangan Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bagi memulihara dan memelihara bangunan-bangunan bersejarah yang dilindungi di bawah Akta Perintah Barang-barang Purbakala dan Harta Terpendam, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad menjelaskan, Jabatan Muzium-Muzium melalui akta ini telah mewartakan 27 tapak bersejarah.

Menurut Yang Berhormat, ini merangkumi 15 monumen dan 12 makam diraja, yang diiktiraf berdasarkan nilai sejarah, seni bina, budaya dan ekonomi. Namun tidak semua bangunan ini berada di bawah pentadbiran dan kawalan Jabatan Muzium-Muzium tetapi ia tetap tertakluk kepada akta yang ditetapkan.

"Sejak tahun 2015, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan pemuliharaan dan pemeliharaan warisan bersejarah negara. Antaranya termasuklah pemuliharaan Taman Arkeologi Kota Batu pada tahun 2015, Muzium Daerah Belait pada tahun 2016, pemuliharaan Makam Sultan Bolkiah dan Sultan Sharif Ali pada tahun 2020, Hab

Tenaga Brunei Dermaga Diraja pada tahun 2022 dan konservasi Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan Tapak Arang Batu pada tahun 2024. Selain itu, Projek Jejak Warisan ataupun Heritage Trail yang diperkenalkan sejak 2017 telah menghubungkan beberapa monumen bersejarah di Bandar Seri Begawan dan sehingga kini telah berjaya menarik lebih sejumlah 30,000 pelawat setiap tahun.

Dalam memastikan keselamatan dan pemeliharaan tapak-tapak bersejarah, beberapa langkah telah diambil dan dirancang. Ini termasuklah

**YANG Berhormat seterusnya menambah bahawa kementerian ini juga giat menyusun senarai bangunan berpotensi untuk dimasukkan dalam Inventori Warisan Negara, bagi memastikan warisan bersejarah yang mempunyai nilai tinggi akan terus terpelihara.**

Tenaga Brunei Dermaga Diraja pada tahun 2022 dan konservasi Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan Tapak Arang Batu pada tahun 2024.

pemasangan papan tanda maklumat dan larangan di lokasi-lokasi berisiko, penyediaan pagar keselamatan dan pusat informasi bagi pengunjung dan kerjasama dengan UNESCO untuk mendapatkan kepakaran dalam pemuliharaan warisan," terang Yang Berhormat pada persidangan hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Yang Berhormat seterusnya menambah bahawa kementerian ini juga giat menyusun senarai bangunan berpotensi untuk



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.**

dimasukkan dalam Inventori Warisan Negara, bagi memastikan warisan bersejarah yang mempunyai nilai tinggi akan terus terpelihara.

Dengan usaha berterusan ini, tambah Yang Berhormat, pemeliharaan warisan bukan sahaja menjaga sejarah dan identiti negara tetapi juga berpotensi untuk memberi impak positif kepada sektor pelancongan dan ekonomi Brunei, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

## Memperkuuh sektor pertanian, perniagaan negara

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 10 Mac. - Perubahan iklim terus menjadi cabaran utama bagi sektor pertanian dan perniagaan di negara ini. Ketidaktentuan cuaca serta peningkatan suhu bukan sahaja menjelaskan pengeluaran makanan tetapi juga memberi kesan kepada daya saing ekonomi tempatan.

Oleh yang demikian, peruntukan dalam Belanjawan Negara 2025 / 2026 merupakan langkah penting dalam memperkuuhkan daya tahan sektor ekonomi negara. Dalam perkara ini, peruntukan lebih BND1 juta bagi pengurusan hal ehwal iklim Negara Brunei Darussalam (NBD) serta hampir BND295,000 bagi pengurusan hal ehwal Sustainable Development Goals (SDGs) juga menunjukkan komitmen kerajaan dalam menangani kesan perubahan iklim dan mengukuhkan sektor ekonomi yang lebih mampan.

Seiring dengan Wawasan Brunei 2035, mencapai kepelbagaian ekonomi yang mampan, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turut menekankan keperluan transformasi ekonomi yang tidak hanya bergantung kepada satu sumber sahaja.

Oleh itu, bagi memastikan keberkesanan strategi ini dalam sektor pertanian dan perniagaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lau How Teck ingin mengemukakan beberapa cadangan yang diharap dapat memperkuuhkan sektor ini.

Demikian antara yang diujarkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Lau How Teck semasa dalam perbahasan Rang Belanjawan Tahun Kewangan 2025 / 2026, JPM pada persidangan hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN yang diadakan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Salah satu langkah yang boleh diberi perhatian, ujar Yang Berhormat ialah menggalakkan penggunaan teknologi moden dalam pertanian. Kaedah seperti sistem pengairan automatik, teknologi AI untuk meramal ramalan cuaca serta penggunaan sensor tanah bukan sahaja dapat meningkatkan hasil pertanian tetapi juga membantu penggunaan kos operasi.

Selain itu, tambah Yang

Berhormat lagi, Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dalam bidang pertanian perlu diperkasakan bagi menghasilkan tanaman yang lebih tahan terhadap perubahan cuaca, ini bukan saja dapat memastikan perbekalan makanan negara lebih stabil tetapi juga mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan.

Oleh yang demikian, jelas Yang Berhormat, insentif kepada petani dan syarikat pertanian yang mengamalkan kaedah penanaman lestari juga wajar diberi perhatian. Dengan adanya sokongan sedemikian, sektor pertanian akan dapat berkembang dalam ekosistem yang lebih lestari dan berdaya saing.

"Dalam konteks perniagaan pula, usaha mempelbagaikan eksport ke pasaran seperti Chile, Mozambique, Columbia, Peru dan Mexico menunjukkan potensi besar untuk perniagaan tempatan berkembang ke peringkat antarabangsa. Oleh itu, bagi memastikan sektor perniagaan dapat berkembang dalam ekosistem yang lebih lestari adalah penting untuk menyediakan insentif ikhlas kepada syarikat yang mengambil insentif dalam mengurangkan perlepasan karbon atau beralih kepada tenaga yang diperbarui.

Langkah ini bukan sahaja dapat membantu syarikat

mengenal pasti perubahan dalam pasaran global yang kini lebih menekankan aspek kelestarian tetapi juga menyokong agenda pembangunan hijau negara. Bagi memperkuuhkan lagi inisiatif ini, kaola mencadangkan agar kemudahan pembiayaan hijau diperluaskan kepada perniagaan dan ini beralih kepada teknologi mesra alam.

Dengan adanya skim pembiayaan yang lebih menyeluruh, syarikat akan lebih bersedia untuk melaksanakan perubahan dalam operasi mereka tanpa kalangan kewangan yang besar," ujar Yang Berhormat lagi.

Pada semasa ke semasa, tambah Yang Berhormat, persijilan hijau yang produk pertanian tempatan juga wajar diperkenalkan sebagai satu langkah untuk meningkatkan daya saing produk negara di peringkat antarabangsa. Persijilan ini bukan sahaja akan memudahkan akses produk tempatan ke pasaran luar tetapi diberi nilai tambahan kepada industri pertanian negara.

"Dalam perancangan ekonomi jangka panjang, jika negara berhasrat untuk menjadi hab dalam sektor kimia, perbuatan dan makanan, maka *maximise* sokongan kepada syarikat tempatan perlu diperjelaskan dengan lebih mendalam. Ini termasuk memastikan syarikat tempatan bersedia beralih



**AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Lau How Teck.**

kepadam perniagaan yang lebih mampan agar dapat bersaing dengan pemain industri di peringkat global.

"Yang Berhormat Penggerusi, perubahan iklim bukan sekadar cabaran tetapi juga peluang untuk mengukuhkan daya saing sektor pertanian dan perniagaan serta menjana pertumbuhan ekonomi baharu dengan memastikan pembangunan ekonomi yang dasar hijau bergerak seiring dengan akan lebih bersedia untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 dengan asas ekonomi yang kukuh dan berdaya saing," jelas Yang Berhormat.

## MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 10 Mac. - Dengan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan telah menubuhkan satu jawatankuasa khas yang mana pengambilan doktor-doktor tempatan kini tidak lagi perlu menunggu lama.

"Biasanya akan menunggu setahun dua, dua tahun baru ada confirm. Ini insyaAllah dalam beberapa bulan sahaja daripada gaji hari ke gaji bulan akan dicepatkan dan seterusnya, setiap pakar pasti mahu untuk memperluaskan pengalaman dan

# Penubuhan jawatankuasa khas pengambilan doktor

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin

kemahiran.

"Jadi dengan adanya latihan dalam perkhidmatan jua di mana pakar-pakar pun boleh mengambil *example* kemahiran yang mendalam or *subspecialty* di tempat-tempat yang tertentu," jelas Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025. Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini, berkaitan dengan pertanyaan yang diajukan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin mengenai insentif-insentif yang diberikan kepada warga tempatan untuk terus bekerja di negara ini dan tidak mencari pekerjaan di luar negara.

Ini pun terdapat di skim perkhidmatan di dalam kerajaan dan seterusnya untuk memastikan keseimbangan waktu bekerja selain memastikan mereka ini

tidak terlalu *burned out supposed to brain drain*.

Jadi untuk memastikan keseimbangan doktor ataupun situasi di sesuatu keapakan itu tidak terlalu berat. Yang Berhormat menjelaskan walaupun tidak semua kita dapat menyebut tapi Kementerian Kesihatan bekerja ke arah itu. Misalan untuk keapakan pediatric sebagai contoh, Bahagian Kanak-kanak *kitani* ada tiga orang pakar sahaja. Jadi ini amat sukar untuk seluruh negara.

"Jadi bukannya Kementerian Kesihatan *inda* mahu mengambil. Alhamdulillah, *kitani* ada jawatan tapi untuk mencari doktor untuk bekerja pekerja asing pun ada kepayahan, kalau adapun ia menahan di Brunei setahun dua lepas itu ia melompat ke negeri lain. So, the *brain drain* bukan saja bagi untuk pakar tempatan juga pakar dari negara asing," jelas Yang Berhormat lagi.

Oleh yang demikian, dalam memastikan keselamatan dan *in work place*, Yang Berhormat

seterusnya berkata, Kementerian Kesihatan juga menyediakan mesin-mesin yang *up-to-date* untuk memastikan doktor tempatan masih berghairah untuk meningkatkan kemahirannya dan ini merupakan sebahagian daripada faktor-faktor Kementerian Kesihatan ambil untuk memastikan pakar tempatan masih mahu bekerja di sini bukan hanya sekadar untuk mengambil bekerja. Jadi kita harus memastikan bahawa persekitaran sentiasa kondusif untuk mereka bekerja, belajar dan mengajar generasi muda yang lain.



**AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.**



**SEBAHAGIAN** yang hadir pada persidangan tersebut.

## KONGSI MENGENAI PERANCANGAN TAWARAN PROGRAM, 'ASSESSMENT'

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 10 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datuk Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menjelaskan, memang ada perancangan daripada pihak board examination yang menawarkan program ataupun assessment ini untuk mengubahnya kepada satu peperiksaan yang mungkin mempunyai kandungan ataupun format pemeriksaan akan ada perubahan sedikit iaitu kepada

IGCSE, *breadth* dan juga *the depth* dan ia mungkin akan berkuat kuasa dalam beberapa tahun lagi.

Perkara tersebut dinyatakan demikian pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025. Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini berkaitan dengan pertanyaan yang diajukan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin berkaitan dengan *alternative assessment* untuk 'O' Level, jika sudah ada rancangan Kementerian Pendidikan untuk beralih kepada *alternative assessment* yang lain serta persediaan rancangan umpannya daripada segi latihan guru, kurikulum dan pengiktirafan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan seterusnya menjelaskan, ia memerlukan satu persiapan bukan sekadar daripada pihak guru-guru dan juga kurikulum tetapi mentaliti para pelajar kerana cara menjawab akan berubah daripada *level of difficulty*, kalau misalnya daripada knowledge level kepada comprehension level, ia

memerlukan satu persediaan yang sangat-sangat rapi.

Terdahulu, Yang Berhormat juga menjelaskan ia adalah mengenai dengan kaedah alternatif, tidak silap ia bukan sekadar laluan *alternative* tetapi ia adalah jua mengenai dengan *assessment*. Pada masa ini, selain daripada 'O' Level, kanak-kanak *kitani* mengambil ataupun menduduki Peperiksaan GCE 'O' Level dan juga IGCSE.

Jadinya tambah Yang Berhormat pertanyaan ini adalah satu pertanyaan yang baik dan sangat sesuai ia diajukan pada ketika ini kerana kita pun baru mendapat penghebohan mengenai dengan pertukaran peperiksaan pada beberapa bulan yang lepas.

Oleh yang demikian, ujar Yang Berhormat lagi, pihak Kementerian Pendidikan akan terus berhubung dan bekerjasama dengan pihak yang berwajib yang menawarkan ataupun pihak yang menyediakan Board of Examination ini untuk memberikan lagi pencerahan-pencerahan daripada segi kurikulum, daripada segi format assessment supaya ia akan dapat terus dibarigakan kepada pihak-pihak sekolah dan seterusnya kepada

pelajar-pelajar.

Menyentuh mengenai dengan *alternative assessment*, Yang Berhormat menambah, perancangan Kementerian Pendidikan untuk mengadakan ujian dan penilaian mungkin akan sedikit berlainan daripada jawapan tadi iaitu mengenai dengan ujian penilaian yang lebih holistik dan inklusif, pada masa ini pihak Kementerian Pendidikan melalui unit EDGE ataupun Pusat Perkembangan Pendidikan Cerdas Pintar dan Berbakat di bawah Jabatan Pendidikan Khas ada juga melaksanakan penggunaan Morrisby Platform.

Ia merupakan satu platform penilaian psikometrik untuk membantu pelajar-pelajar yang menunjukkan kecenderungan dan pencapaian akademik yang sangat baik dan cerdas dan berbakat. Ia mengenal pasti kekuatan dan kebolehan semula jadi pelajar.

Menurut Yang Berhormat, Profil Morrisby mengukur potensi, bukan kemahiran atau pengetahuan yang diperoleh dan tidak terlalu dipengaruhi oleh latar belakang pendidikan ataupun sosial.

Ia menyediakan garis besar yang komprehensif tentang pembentukan intelektual



**YANG Berhormat Menteri Pendidikan.**

seseorang serta cara bagaimana kebolehan mereka digunakan. Sejak menggunakan platform ini bermula Julai 2022 terdapat 78 pelajar yang berumur 15 tahun ke atas telah melengkapkan Profil Morrisby dan 48 pelajar berumur 12 sehingga 14 tahun telah melengkapkan aspirasi Morrisby. Buat masa ini pihak Kementerian Pendidikan belum ada perancangan untuk melaratkan penggunaan Morrisby kepada semua pelajar seluruh negara.



**AHLI MMN, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.**



# MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

## TANGGUNGJAWAB MEMBINA MASJID TETAP MENGIKUT HUKUM SYARAK



**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Isnin, 10 Mac. - Kutipan Tabung Dana Masjid bagi tempoh Januari hingga Jun 2024 mencatatkan jumlah yang dikongsikan adalah bagi kiraan enam bulan pertama sahaja dan bukannya untuk setahun penuh bagi tahun 2024.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwel Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin pada hari kelapan

**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwel Ugama.**

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, jumlah keseluruhan dalam Tabung Dana Masjid sebagaimana yang disebutkan tadi, apabila ditolak bagi tujuan pengubahsuaian, pembaikan, pembesaran dan sebagainya, memanglah berbaki sebanyak BND9.9 juta.

Namun begitu tambah Yang Berhormat, setelah ditolak bagi perancangan ke hadapan, baki yang tinggal adalah lebih kurang BND2 juta sahaja dan ini juga belum mengambil kira *sunken account* iaitu sebanyak 10 peratus daripada kutipan yang disimpan khas untuk perbelanjaan pembaikan dan penyelenggaraan kepada masjid-masjid yang dibangunkan di bawah Tabung Dana Masjid, dan akaun tersebut sememangnya telah diwujudkan.

Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat berharap sebarang kecurigaan mengenai ketelusan pengurusan dana berkenaan dapat dihilangkan, khususnya apabila ada pihak yang

menyatakan rasa ragu dan syak wasangka terhadap kutipan Tabung Dana Masjid.

Walau bagaimanapun ujar Yang Berhormat lagi, kutipan Tabung Dana Masjid kekal konsisten dan menunjukkan trend peningkatan sejak tahun 2015 hingga 2024.

"Pada tahun 2015, sebelum adanya skim kutipan tetap, jumlah kutipan hanya mencatatkan sebanyak BND1.2 juta.

Namun setelah adanya skim sumbangan tetap, kutipan meningkat kepada BND3 juta, BND3.06 juta.

Seterusnya, tahun 2017 mencatatkan sebanyak BND3.2 juta, dan pada tahun 2018 meningkat lagi daripada BND3 juta kepada BND4 juta. Sejak tahun 2019 sehingga tahun lepas, kutipan tidak kurang daripada BND4 juta," jelas Yang Berhormat.

Ini menurut Yang Berhormat, mencerminkan kesedaran masyarakat negara ini dalam menyumbang kepada Tabung Dana Masjid, sebagaimana yang dihasilkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Brunei

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,  
Mohammad Hasif Matzin

Darussalam dalam membawa orang ramai menanam saham di akhirat.

Yang Berhormat turut menegaskan bahawa tanggungjawab kerajaan untuk membina masjid tetap akan diteruskan mengikut hukum syarak, sebagaimana amanah Walil Amri dan negara Islam yang menjalankan pemerintahan dengan hukum-hukum Islam.

"Oleh itu, pembangunan masjid di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) akan tetap dilaksanakan oleh kerajaan.

Alhamdulillah, mudah-mudahan dengan penjelasan ini dapat menghilangkan sebarang kecurigaan mahupun ketidakfahaman dan orang ramai akan lebih memahami kedudukan sebenar Tabung Dana Masjid ini," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat juga menyatakan bahawa biasanya mereka yang aktif membuat sumbangan tidak mudah untuk berbicara mengenai kecurigaan kerana mereka memahami bahawa dalam bersedekah itu, jika disertai dengan rasa syak wasangka, akan menghilangkan pahala sedekah tersebut.

Menutup penjelasannya,

Yang Berhormat mengharapkan agar penjelasan yang diberikan semasa majlis tersebut akan dapat mengatasi segala persoalan, mengurangkan keraguan, dan seterusnya menaruh keyakinan untuk sama-sama menyahut seruan dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menjayakan Tabung Dana Masjid.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

## 2 jawatankuasa khas ditubuhkan memantau kegiatan keagamaan

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Isnin, 10 Mac. - Kementerian Hal Ehwel Ugama (KHEU) melalui dua jawatankuasa khas sedia ada telah lama menjalankan pemantauan terhadap kegiatan keagamaan di negara ini termasuklah menangani isu-isu berkaitan penceramah bebas, ajaran sesat dan kumpulan-kumpulan keagamaan yang menyeleweng.

Menteri Hal Ehwel Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menjelaskan perkara tersebut semasa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, berhubung sama ada kementerian mempunyai perancangan untuk

mewujudkan jawatankuasa khas atau menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) bagi memantau kegiatan keagamaan di media sosial.

Yang Berhormat menjelaskan, pemantauan terhadap kegiatan keagamaan ini sebenarnya sudah lama dilaksanakan di bawah dua jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Kawalan Kegiatan Keugamaan dan Jawatankuasa Mengkaji Amalan-amalan Berugama.

Menurut Yang Berhormat lagi, jawatankuasa - jawatankuasa tersebut bukan sahaja memantau kegiatan ajaran-ajaran yang menyimpang, tetapi juga bertugas dalam menilai dan mengemas kini kriteria pengharaman jemaah dan kumpulan-kumpulan keagamaan yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Berhubung dengan penggunaan teknologi AI dalam pemantauan tersebut, Yang Berhormat menjelaskan bahawa pada masa ini belum ada perancangan untuk menggunakan teknologi tersebut

dalam memantau ajaran sesat di media sosial.

Namun tambah Yang Berhormat, KHEU sedang meneroka dan menguji penggunaan AI dalam bidang tertentu dan kumpulan-kumpulan terpilih sahaja. Fokus utama adalah untuk melihat bagaimana teknologi AI dapat membantu dalam urusan pentadbiran harian kementerian, khususnya dalam proses pembuatan keputusan berdasarkan analisis data dan laporan yang ada.

"Ini bukan mudah. *Kitani* mestи menyediakan datanya awal-awal untuk digunakan oleh AI sebagai asas membuat keputusan, menggantikan apa yang biasanya otak *kitani* lakukan," ujar Yang Berhormat.

Dalam penjelasan lanjut, Yang Berhormat menegaskan bahawa walaupun teknologi AI belum digunakan secara langsung dalam pemantauan ajaran sesat, KHEU menyedari akan cabaran-cabarannya yang wujud. Antaranya adalah memastikan ketepatan sumber yang sah dalam menilai sesuatu isu keagamaan yang timbul di

media sosial.

"Sesat atau *inda sesat atau ada kalanya* cuma perkara khilafiah (perselisihan pendapat) dalam isu agama. Maka penting untuk kita memastikan ada sumber yang sah sebelum mengambil sebarang tindakan," tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga mengambil contoh beberapa isu khilafiah yang sering berbangkit di media sosial seperti hukum suntikan semasa berpuasa, atau hukum bacaan Al-Fatihah oleh makmum selepas imam, yang sebenarnya telah berulang-ulang kali dibahaskan sejak dahulu.

Yang Berhormat juga menekankan bahawa masyarakat di NBD sudah pun mempunyai

kefahaman agama yang jelas melalui pembelajaran, irsyad dan fatwa-fatwa yang dikeluarkan. Oleh itu, perkara-perkara khilafiah tidak seharusnya menjadi isu besar.

"Namun, jika benar-benar terdapat ajaran atau fahaman akidah yang menyeleweng, itulah yang dipantau secara serius oleh jawatankuasa yang bertugas," jelas Yang Berhormat lagi.

Menutup penjelasannya, Yang Berhormat mengucapkan terima kasih atas pertanyaan yang dikemukakan dan berharap masyarakat terus berpegang kepada ajaran dan kefahaman agama yang telah diterima dan diamalkan di NBD.

**"NAMUN, jika benar-benar terdapat ajaran atau fahaman akidah yang menyeleweng, itulah yang dipantau secara serius oleh jawatankuasa yang bertugas," jelas Yang Berhormat lagi.**



# MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.**

MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masih yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat menegaskan bahawa sempadan negara dikawal oleh pelbagai agensi keselamatan dan penguatkuasaan yang memainkan peranan penting dalam menangani sebarang aktiviti menyalahi undang-undang.

Jelas Yang Berhormat lagi, penggunaan peralatan seperti dron sudah pun digunakan oleh agensi penguat kuasa bagi mempertingkatkan keupayaan pemantauan. Namun begitu, demi menjaga kerahsiaan operasi dan taktikal, perincian lanjut mengenai pelaksanaan teknologi berkenaan tidak dapat dikongsikan secara terbuka bagi mengelakkan maklumat tersebut dimanfaatkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Cukuplah saya nyatakan bahawa sistem-sistem baharu telah digunakan dan akan terus diberikan peningkatan dari

semasa ke semasa," ujar Yang Berhormat.

Dalam pada itu, Yang Berhormat turut menyentuh mengenai langkah-langkah pemantauan keselamatan yang sedang giat dilaksanakan melalui mesyuarat pengurusan eksekutif secara berkala bagi memastikan segala rancangan dapat diselaraskan dengan sebaik-baiknya.

Menjawab cadangan mengenai pengawasan kejiranan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin dan Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, Yang Berhormat menyatakan bahawa pengawasan kejiranan merupakan satu cadangan yang baik dan melibatkan kerjasama seluruh jentera kerajaan, termasuk kepimpinan akar umbi melalui penghulu mukim dan ketua kampung.

Menurut Yang Berhormat lagi, keberkesanan inisiatif pengawasan kejiranan berkenaan bergantung kepada hubungan dan pendekatan yang bersesuaian dengan keadaan semasa, memandangkan perubahan suasana di kampung, mukim, daerah dan kawasan perbandaran pada masa ini, termasuk kehadiran warga asing.

"InsyaAllah perkara ini diamalkan baik dan adalah penting juga pihak akar umbi terus

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin**

bekerjasama dalam sama-sama menanganinya," tambah Yang Berhormat.

Dalam pada itu, Yang Berhormat turut menyentuh mengenai transformasi Perkhidmatan Awam yang sedang berjalan, dengan beberapa perkara sudah dilaksanakan, manakala beberapa lagi dalam perancangan untuk dilaksanakan dalam masa terdekat.

Namun begitu, Yang Berhormat menjelaskan bahawa adalah terlalu awal untuk menjangkakan transformasi tersebut dapat mengubah sepenuhnya keadaan sedia ada tanpa penilaian dan pemantauan yang berterusan.

Selain itu, Yang Berhormat turut menjawab persoalan berkaitan pertukaran pegawai di peringkat kementerian-kementerian tertentu, termasuk dalam kalangan Pegawai-pegawai Division II yang kini berada di tahun pertama pelaksanaan.

**AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.**

Menurut Yang Berhormat, beberapa perkara masih memerlukan penambahbaikan dan akan dijelaskan secara lebih terperinci dalam Jawaban Bertulis kepada Yang Berhormat Pengerusi.

"Kaola mencuba untuk menjawab secara lebih jelas, namun ia memerlukan data-data yang lengkap khususnya mengenai dengan audit," jelas Yang Berhormat sambil mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi serta semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas cadangan dan persoalan yang dikemukakan.



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 10 Mac. - Penggunaan teknologi moden seperti dron dan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence-AI) dalam memantau keselamatan sempadan negara kini sudah dilaksanakan dan akan terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa demi memastikan kedaulatan dan keselamatan negara terus terpelihara.

Menyatakan perkara tersebut semasa menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21

## Terus memperkasa, meningkatkan kepakaran doktor pakar, konsultan tempatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 10 Mac. - Kementerian Kesihatan terus melaksanakan pelbagai inisiatif dalam usaha memperkasa dan meningkatkan lagi kepakaran para doktor pakar serta konsultan tempatan agar setanding dengan pakar-pakar perubatan di negara jiran dan antarabangsa.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar semasa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin



Haji Osman pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masih yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam jawapannya menjelaskan bahawa Kementerian Kesihatan sentiasa meneliti keperluan peningkatan kapasiti doktor tempatan serta profesional kesihatan lain dalam bidang kepakaran yang diperlukan. Ini termasuklah menghantar mereka mengikuti latihan kepakaran di institusi bertaraf antarabangsa di luar negara.

"Doktor-doktor tempatan yang telah tamat latihan kepakaran diiktiraf sebagai pakar yang setanding dengan pakar-pakar di luar negara. Mereka dapat menjalankan tugas-tugas klinikal dan bertanggungjawab sebagai pakar sejurus selepas kembali dari latihan," jelas Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat lagi, para doktor tempatan dan

profesional kesihatan lain juga diberi peluang untuk membentangkan dan menerbitkan kertas kerja serta jurnal di peringkat global, sekali gus meningkatkan pengiktirafan mereka di arena antarabangsa. Pihak kementerian turut melengkapkan mereka dengan teknologi mesin dan peralatan perubatan terkini bagi menyokong tugas-tugas klinikal mereka.

Menurut Yang Berhormat lagi, bilangan doktor tempatan yang mencapai kelulusan tahap pakar telah meningkat secara signifikan. Jika dibandingkan 15 tahun yang lalu, jumlah pakar tempatan hanya sekitar 30 orang, kini angka tersebut meningkat kepada 128 orang, meliputi bidang perubatan hospital, kesihatan awam, pergigian, pediatrik, pembedahan dan kecemasan. Peningkatan ini menunjukkan lonjakan lebih 400 peratus dalam tempoh tersebut.

"Walaupun mengambil masa yang panjang, pencapaian ini adalah ketara dan membanggakan. Doktor-doktor pakar tempatan kini juga berperanan sebagai tenaga pengajar bagi kursus *in-house* dan latihan di institusi pengajian tempatan," ujar Yang Berhormat.

Selain itu, Yang Berhormat juga menjelaskan bahawa hasil daripada *transfer of skills* daripada pakar asing, beberapa prosedur rawatan dan pembedahan yang sebelum ini memerlukan pesakit dihantar

ke luar negara, kini berjaya dijalankan sepenuhnya oleh pakar tempatan. Antaranya termasuk pembedahan jantung, pemindahan buah pinggang (*kidney transplant*), bahkan pembedahan hati (*liver transplant*) yang melibatkan kerjasama rapat antara pakar tempatan dan pakar luar negara bagi membolehkan pemindahan kemahiran secara langsung.

"Ini adalah satu aspek *returns of investment* bagi kerajaan, di mana kepakaran mereka ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam melatih doktor tempatan lain, menjalankan prosedur, pembedahan serta memberikan rawatan kepada pakar tempatan," kata Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat lagi, kementerian menjangkakan prosedur rawatan secara berperingkat akan dikendalikan sepenuhnya oleh pakar tempatan seiring dengan peningkatan bilangan doktor pakar di negara ini.

Dalam usaha berterusan memperkuuh perkhdmatan kesihatan, Yang Berhormat mengongsikan Kementerian Kesihatan juga terus mengenal pasti keperluan tambahan daripada segi kelengkapan peralatan dan kemudahan yang bersesuaian, selain terus memberi fokus kepada pengukuhan jumlah tenaga kerja klinikal.

Namun begitu kata Yang Berhormat, kementerian masih memerlukan khidmat doktor asing bagi menampung pemberian



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan.**

perkhidmatan klinikal yang meliputi hampir 70 cabang kepakaran di kementerian tersebut. Oleh itu, strategi pengambilan tenaga kerja atau *procurement strategy* sentiasa diteliti agar pengambilan doktor asing dapat dibuat secara teratur dan dalam masa yang dijangkakan, supaya tidak menjelaskan penyampaian perkhidmatan klinikal kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

"Kementerian berharap rakyat dan penduduk negara ini akan terus memberikan kepercayaan kepada Kementerian Kesihatan dalam penyampaian perkhidmatan rawatan kepada pakar yang sebanding dengan taraf antarabangsa," ujar Yang

**AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.**



# MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

## PERUNTUKAN ANGGARAN HASIL, PERBELANJAAN TAHUN KEWANGAN 2025/2026 DIBENTANGKAN



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.**

Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Semasa sesi tersebut, Yang Berhormat mencadangkan supaya wang yang diperuntukkan dalam Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Tahun Kewangan 2025/2026 bagi maksud-maksud gelaran SA01A hingga SA28A,

SB01A hingga SB04A, SC01A, SD01A hingga SD09A, SE01A hingga SE12A, SF01A hingga SF06A, SH01A hingga SH06A, SJ01A, SK01A hingga SK08A dan SL01A hingga SL06A, SM01A dan SN01A hingga SN09A untuk kementerian dan jabatan yang berkaitan dijadikan sebahagian daripada Jadual Perbelanjaan Negara.

Selain itu, bagi tajuk SP01A, Yang Berhormat turut memaklumkan bahawa sejumlah tidak lebih daripada BND480 juta telah diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Kumpulanwang Kemajuan Tahun 2025/2026.

Peruntukan berkenaan jelas Yang Berhormat, adalah bagi maksud-maksud kemajuan yang merangkumi gelaran 1201 hingga 1223, yang bertujuan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan di kementerian

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,  
Mohammad Hasif Matzin

dan jabatan yang berkaitan.

Menurut Yang Berhormat lagi, keperluan bagi mengadakan peruntukan Anggaran Belanjawan Tahun 2025 serta Anggaran Belanjawan Kemajuan Tahun 2025 telah pun dibentangkan secara terperinci semasa perbahasan di Peringkat

Dasar sebelum ini.

"Kaola telah mengemukakan cadangan ini sebagai sebahagian daripada langkah perancangan kewangan negara bagi memastikan kelangsungan pembangunan dan pengurusan kewangan yang mapan," ujar Yang Berhormat lagi.

**"MENURUT Yang Berhormat lagi, keperluan bagi mengadakan peruntukan Anggaran Belanjawan Tahun 2025 serta Anggaran Belanjawan Kemajuan Tahun 2025 telah pun dibentangkan secara terperinci semasa perbahasan di Peringkat Dasar sebelum ini".**

## KEMas bertujuan menilai prestasi, pemantauan lebih efektif

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Isnin, 10 Mac. - Peruntukan bagi Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Tahun Kewangan 2025/2026 serta Anggaran Perbelanjaan Kumpulanwang Kemajuan telah dibentangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

"Buat masa ini, Pejabat Wawasan sentiasa berkongsi perkembangan melalui aktiviti-aktiviti yang diadakan, dan insyaAllah usaha ini akan terus diperbaiki pada masa hadapan," jelas Yang Berhormat.

Mengulas lanjut mengenai persoalan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II,

pembangunan kepimpinan CSLP yang memperoleh Gred Cemerlang dan Gred Sangat Baik, di mana ini diambil kira dalam pengukuran prestasi," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, bagi tahun 2023/2024, kadar pencapaian tersebut adalah lebih tinggi daripada apa yang dianggarkan. Usaha pemantauan akan diteruskan bagi memastikan program-program tersebut memberikan nilai yang setimpal (*value for money*) kepada pembangunan sumber manusia dalam Perkhidmatan Awam (PA).

Sementara itu, menjawab pertanyaan daripada Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim mengenai KPI kedua, iaitu jumlah pengemaskinian dasar dan dasar baharu yang dikeluarkan untuk memperbaiki PA, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menjelaskan bahawa sasaran minimum adalah sebanyak tiga dasar setiap tahun.

"Walaupun sasaran KPI ini sekurang-kurangnya tiga, namun pada tahun 2024/2025, sebanyak lapan dasar telah dikemaskinikan dan enam dasar pada tahun

sebelumnya. Sasaran tiga dasar adalah untuk memastikan Jabatan Perkhidmatan Awam meneliti sekurang-kurangnya tiga dasar yang memerlukan penambahbaikan dan akan ada usaha lanjut sekiranya terdapat keperluan," tambah Yang Berhormat lagi.

Menurut Yang Berhormat Menteri lagi, keperluan untuk mengemas kini dasar tidak semestinya dilakukan secara besar-besaran atau dalam jumlah yang tinggi setiap tahun, sebaliknya bergantung kepada dasar-dasar yang benar-benar memerlukan semakan dan penambahbaikan.

"Jika terdapat lebih banyak keperluan untuk dikemas kini, insyaAllah usaha akan diteruskan seperti mana yang telah kita lihat pada tahun-tahun sebelumnya," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat mengakhiri penjelasannya dengan ucapan



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim (atas). Manakala gambar bawah kiri, sekitar persidangan berkenaan.

terima kasih kepada Yang Berhormat Pengurus dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan dan pertanyaan yang membina demi penambahbaikan PA negara.

**"PENILAIAN dibuat berdasarkan pencapaian peserta program pembangunan kepimpinan CSLP yang memperoleh Gred Cemerlang dan Gred Sangat Baik, di mana ini diambil kira dalam pengukuran prestasi," ujar Yang Berhormat.**



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

[www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH

# دعا موهن كقد الله سقايي قرسلامة

## در قد بلاء دان سکل جنیس چاکیت

### DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْأَتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَاهُ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي  
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ  
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَاهُ ذَاءً. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخِنَاهُ وَبِاللَّهِ  
أَخْتَهَنَاهُ وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَاهُ بِذِي الْعِزَّةِ وَاجْبَرُوْتِ.  
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلَنَا عَلَى الْحَمِيْرِ الَّذِي لَا  
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي  
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ  
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝.

وَصَلَى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaja). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahanatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkusa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نُوْمٌ لَمَّا مَاتَ السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَلِكَ يَشْفَعُ عِنْهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفُهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ قَنْ عِلْمَهُ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ۝

**Peringatan :**

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran air hujan rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَّاهَ كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَائِمًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعَقْدُ، وَتَنْفَرِجَ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُنْقَضِي بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالَ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَائِجِ، وَيُسْتَسْقَى بِهِ الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ يَعْدِدُ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، حَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدُكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فِيَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

**Fadilatnya :**

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن يع مباوا کبرا و نتو عن ساعت بسر کقد ڦع عملن ( تولق بلاء )

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3)

وَلَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

**Penerangan :**

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

**Penerangan :**

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

**Penerangan :**

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيٌّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْفِيْثُ

(5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

**Penerangan :**

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

**Penerangan :**

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapat enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

# Tazkirah ‘Fadilat Surah Yaa Siin’ serikan Majlis Tadarus

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir pada Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi diteruskan lagi bagi malam kesembilan di Surau, Istana Nurul Iman (atas kanan), manakala gambar atas dan bawah kanan, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin,

10 Mac. - Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi diteruskan lagi bagi malam kesembilan di Surau, Istana Nurul Iman, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan menuaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah dan seterusnya mengerjakan Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah dan doa dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Suhaili bin

Haji Metali Al-Hafiz.


Seterusnya, majlis juga diserikan dengan tazkirah yang bertajuk ‘Fadilat Surah Yaa Siin’. Tazkirah bagi jemaah lelaki disampaikan oleh Awang Ahmad Muzhafar bin Marsidi manakala jemaah perempuan disampaikan oleh Dayang Syuhaidah binti Haji Mohd. Yusof.

Majlis disusuli dengan bacaan Tadarus Al-Quran dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam. Turut hadir, pegawai dan kakitangan dari

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Guru Ugama Jabatan Pengajian Islam dan jemputan khas.



## KKBS BERTADARUS DI MASJID RPN KAMPUNG PANDAN



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir pada Program Bertadarus Al-Quran di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait.

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

**BELAIT**, Selasa, 11 Mac. - Dalam menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) serta jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Program Bertadarus Al-Quran di Masjid Rancangan

Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, Kuala Belait.

Program ini dikendalikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Pembangunan Masyarakat dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Masjid, Masjid RPN Kampung Pandan,

Kuala Belait.

Program Tadarus Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah secara beramai-ramai yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid RPN Kampung Pandan, Kuala Belait, Awang Abdul Qayyum bin Haji Aminuddin.

Seterusnya, bacaan ayat-ayat suci Al-Quran secara bergilir-gilir

yang didahului oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad serta disusuli dengan

bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam serta Selawat Tafrijiyah dan Sayyidul Istighfar.

Program ini diteruskan lagi dengan berbuka puasa dan

diakhiri dengan menuaikan Sembahyang Fardu Maghrub Berjemaah.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kebeliaan) KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; pengarah-pengarah bahagian dan jabatan, pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya dan jemaah Masjid RPN Kampung Pandan, Kuala Belait.

# KHEU TERUSKAN MAJLIS TADARUS DI DAERAH TUTONG



Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Dk. Nur Haflah Pg. Osman



**TUTONG**, Selasa, 11 Mac. - Bulan Ramadan adalah bulan penuh dengan keberkatan di mana Allah Subhanahu Wata'ala menjanjikan ganjaran pahala berlipat ganda kepada setiap amal kebaikan dan amal ibadah yang dilakukan oleh hambanya seperti bersedekah dan bertadarus Al-Quran di masjid-masjid.

Sehubungan itu, rombongan

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) meneruskan lagi Majlis Tadarus petang tadi bertempat di Masjid Kampung Telisai.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti

dengan Tadabbur Al-Quran disampaikan oleh Imam Masjid Kampung Danau, Awang Abd. Hadi bin Haji Abd. Rahman.

Kemudian majlis diteruskan dengan Tadarus Al-Quran dan disusuli dengan bacaan Tahil dan Doa Arwah oleh Bilal Masjid Kampung Telisai, Awang Hazwan Hamizan bin Haji Haminuddin, manakala Doa Peliharakan Sultan

Rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) meneruskan lagi Majlis Tadarus di Masjid Kampung Telisai yang dihadiri oleh Setiausaha Tetap KHEU selaku tetamu kehormat majlis (kiri), manakala gambar atas, antara yang hadir pada majlis tersebut.

dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Telisai, Awang Saipol bin Ismail.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan Pemangku

Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar.

Rombongan Tadarus pegawai dan kakitangan KHEU seterusnya akan mengunjungi Masjid Zainab, Lumut, Daerah Belait pada Jumaat, 14 Mac 2025, puluk 5.00 petang.

## MINDA PEMBACA

### Pendidikan agama berperanan menyemai akhlak mulia

**P**ENDIDIKAN agama memainkan peranan penting dalam membentuk akhlak mulia dalam kalangan individu, terutamanya generasi muda. Melalui pendidikan agama, nilai-nilai murni seperti kejujuran, toleransi dan kasih sayang dapat diterapkan dalam kehidupan seharian. Ini adalah asas kepada pembentukan masyarakat yang harmoni dan beretika.

Salah satu cara pendidikan agama menyemai akhlak mulia adalah melalui pengajaran tentang sifat-sifat terpuji yang diajarkan dalam Al-Quran dan hadis. Contohnya, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia."

(Riwayat Ahmad). Hadis ini menunjukkan betapa pentingnya akhlak dalam ajaran Islam dan tanggungjawab kita untuk mengamalkannya.

Di sekolah-sekolah, pendidikan agama bukan sahaja melibatkan pembelajaran tentang ajaran Islam, tetapi juga penghayatan dalam kehidupan. Pelajar diajar tentang pentingnya solat, berdoa dan berbuat baik kepada sesama manusia. Aktiviti seperti ceramah, perbincangan dan latihan amali dalam melaksanakan ibadah dapat membantu pelajar memahami dan mengamalkan akhlak yang baik.

Selain itu, peranan keluarga juga tidak boleh diabaikan. Ibu bapa perlu

menjadi teladan dalam mengamalkan akhlak yang baik. Dengan menunjukkan sikap positif dan nilai-nilai murni dalam kehidupan harian, anak-anak akan terinspirasi untuk mengikuti jejak langkah mereka. Sebagai contoh, jika ibu bapa mengamalkan sikap jujur dan adil, anak-anak akan belajar untuk menghargai nilai-nilai tersebut.

Kegiatan luar seperti kem motivasi dan program berkhemah juga boleh menjadi platform untuk menyemai akhlak mulia. Dalam suasana yang santai dan interaktif, pelajar dapat belajar tentang kerja berpasukan, menghormati perbezaan dan bertanggungjawab terhadap tindakan mereka. Ini semua adalah aspek

penting dalam pembentukan karakter yang baik.

Kesimpulannya, pendidikan agama adalah alat yang berkesan dalam menyemai akhlak mulia. Melalui pengajaran yang berterusan, penghayatan dalam kehidupan seharian, dan teladan yang baik daripada keluarga, kita dapat memastikan bahawa generasi akan datang dibekalkan dengan akhlak yang terpuji. Dengan ini, masyarakat yang harmoni dan beretika dapat dibentuk demi kebaikan bersama.

Nama : Dayangku Nur Afiqah binti Pengiran Haji Abidin  
No. K/P : 01-064XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

#### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Bersatu Mencapai Cita Negara.' Tarikh Tutup : 12 Mac 2025
- 2.'Elakkan Pembaziran, Budayakan Amalan Bersederhana.' Tarikh Tutup : 19 Mac 2025
- 3.'Mengukuhkan Hubungan Antarabangsa.' Tarikh Tutup : 26 Mac 2025

#### Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui  
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# ANAK YATIM DAERAH TUTONG TERIMA SUMBANGAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**TUTONG**, Isnin, 10 Mac. - Seramai 510 anak yatim yang berusia 18 tahun ke bawah dari Daerah Tutong yang berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) pagi tadi menerima sumbangan derma pada Majlis Penyampaian Derma Anak-anak Yatim Daerah Tutong bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

Sumbangan derma adalah melalui Tabung Kebangsaan

Negara Brunei Darussalam, Tabung Kebajikan Anak-anak Yatim Daerah Tutong dan Bank Islam Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, di sini ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Majlis dimulakan dengan bacaan

ayat-ayat suci Al-Quran, Surah An-Nisa, ayat 36 oleh salah seorang penuntut Sekolah Ugama Tutong Kem, Dayang Nur Damia Faqihah binti Mohamad Aji dan seterusnya tafsiran ayat oleh Guru Sekolah Ugama Tutong Kem, Dayang Hajah Noorlaila binti Haji Metussin.

Sumbangan derma itu antara lain bertujuan untuk menampung perbelanjaan anak-anak yatim bagi menyambut ketibaan Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang tiba.

Majlis tersebut juga diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada tiga penuntut anak yatim yang mendapat keputusan cemerlang dalam Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) bagi Tahun 2024 dan dua orang Pelajar Cemerlang di dalam Peperiksaan Peringkat 'A' Level, 'O' Level / IGCSE bagi Tahun 2024 bagi Kluster 5, Tutong.

Turut hadir, Pegawai-pegawai Kanan kerajaan, penghulu-penghulu mukim, pemangku-pemangku penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung Daerah Tutong.



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat menyerahkan sumbangan kepada para penerima (atas kiri), manakala gambar atas dan bawah kiri, antara penerima yang hadir pada majlis berkenaan.

جایتن فرانځن ایکوټومی دان مټاتېستېك  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
JABATAN HAL EHWAH PENGGUNA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

## NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

### Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

### Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

## Ayat Al-Quran syifa segala penyakit

kebaikan.

Adapun di antara ayat Al-Quran yang selalu dijadikan penawar adalah Surah Al-Fatiha yang mempunyai banyak fadilat yang sangat besar, antaranya sebagai ubat kepada segala penyakit dan penawar kepada racun. Begitu juga bacaan ayat-ayat yang lain seperti Surah Al-Ikhlas, Surah Al-Falaq dan Surah An-Nas kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah mengubati orang yang sakit dan gila dengan surah-surah tersebut. Selain itu, surah-surah tersebut juga berperanan sebagai pelindung diri atau kubu dan pemelihara. Inilah yang selalu diamalkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam setiap malam sebelum Baginda tidur. Selain berubat dengan bacaan ayat-ayat Al-Quran, makanan seperti kurma, Air Zamzam dan madu juga dipercayai mengandungi khasiat yang tinggi untuk kesihatan tubuh badan.

Sebagai umat Islam, kita hendaklah percaya dan yakin bahawa yang menyembuhkan segala penyakit itu hanyalah Allah Subhanahu Wata'ala. Kita hendaklah berdoa dan menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah dan tidak bergantung selain daripada-Nya. Tidak dinafikan lagi, sebilangan orang berikhtiar menjumpai para ulama dan orang-orang yang alim untuk berubat, namun ada juga segerintir individu

yang menjumpai bomoh bagi tujuan yang sama. Namun kita hendaklah berhati-hati kerana tidak dinafikan, ada sebilangan bomoh yang menggunakan kaedah yang menyalahi syarak seperti mengaburi bacaan ayat Al-Quran pada permulaan sahaja tetapi disertai dengan kata-kata yang mengandungi kekufuran, kata-kata yang tidak difahami, tidak kurang juga terdapat jampi-jampian yang memuja makhluk halus.

Begitu juga usaha berubat itu termasuk melalui perubatan moden. Ubat-ubatan dan perjumpaan-perjumpaan doktor itu adalah sebagai satu usaha dan ikhtiar kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Menurut ramai sarjana perubatan dan juga ulama Islam, perubatan Islam tidak banyak bezanya dengan perubatan moden daripada segi amalannya. Walau bagaimanapun, perkara besar yang membezakan di antara kedua-duanya adalah perubatan Islam yang berasaskan wahyu dan tauhid kepada Allah. Manakala perubatan moden hanya berteraskan kepada sains semata-mata.

Oleh itu, dalam kita berusaha mencari penawar bagi mengubati dan merawat penyakit yang dihidapi, kita hendaklah juga mementingkan cara kita berubat iaitu hendaklah ubat atau penawar itu halal dan mengelakkan daripada perubatan yang mengandungi unsur-unsur syirk serta tidak

melanggar batas dan syariat Islam. Begitu juga dari segi pengkonsumsian ubat, di mana ia akan menjadi tidak bermanfaat jika dikonsumsi dengan melebihi batas bahkan boleh menimbulkan penyakit lain yang memudaratkan tubuh badan. Namun, kesembuhan itu tergantung juga kepada izin Allah. Maka kita hendaklah memperbanyak doa-doa dan mengamalkan ayat-ayat daripada Al-Quran atau doa-doа tertentu sebagai jalan untuk sembuh daripada penyakit.

Walau apa pun ujian yang melanda ingatlah bahawa Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa bersama kita selagi kita ingat kepada-Nya. Kita tidak pernah keseorangan dalam kehidupan ini kerana Allah itu dekat dengan kita jika kita sentiasa mengingati-Nya. Walau bagaimanapun, orang yang membarkan jiwanya terus menerus dalam kegelapan adalah orang yang menganiaya dirinya sendiri kerana mereka tidak mahu mengisikan jiwa mereka sendiri dengan Al-Quran.

Oleh yang demikian, kita hendaklah mensyukuri nikmat kesihatan yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan menjaga pemakanan dan melakukan olahraga yang seimbang supaya kita boleh terus meningkatkan amal ibadat kepada-Nya.

منجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كل لأن قوسة دعوه اسلاميه

**S**YIFA atau ubat yang terkandung dalam Al-Quran itu adalah bersifat umum sama ada ia ubat bagi sakit rohani ataupun jasmani. Inilah penawar yang berkesan untuk umat Islam kerana Al-Quran itu adalah kalam Allah Subhanahu Wata'ala yang mengandungi kelebihan dan keagungan serta situasi kehidupan manusia di dunia mahupun di akhirat malah tidak datang kepadanya apa-apa pun kebatilan.

Al-Quran adalah umpsama makanan bagi hati atau jiwa manusia. Penyakit-penyakit di dalam hati seperti kejahanan, kesombongan, perasaan riak, hasad dan sebagainya boleh disembuhkan dengan ayat Al-Quran. Misalnya jika dihayati dan dibacakan dengan ayat-ayat yang menjelaskan tentang kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala kita akan insaf bahawa kita ini hanya hamba yang sangat kerdil di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Maka kita akan tunduk dan sentiasa memuhasabah diri demi memperbaiki lagi nilai-nilai akhlak yang mulia. Al-Quran akan menjadi penyembuh sekali gus menjadi rahmat yang membawa kita kepada keimanan, memberi hikmah dan melahirkan keinginan untuk mencari



JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI

**Bilangan Sebut Harga:**  
APM.2024-2025 / SH-05(R)

**Tajuk Sebut Harga:**  
To Supply Scent Machine With Fragrance, Refill And Maintain At Brunei International Airport

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Rabu, 26 Mac 2025.  
Jam 12.00 Tengah Hari.

**Yuran Sebut Harga:**  
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)



JABATAN BANDARAN  
KUALA BELAIT DAN SERIA  
KEMENTERIAN HAL EHWAH  
DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran:**  
01 / BBS / OTCCAADSPBKB /  
2024 - 2025

**Keterangan Projek:**  
One Time Cleaning Contract To Clean Access Asphalt Driveway Surface At Padang Bandara Jalan Sultan Kuala Belait

Dibuka kepada pemberong-pemberong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Tawaran:**  
01 / BBS / SADCTBPJBKBS /  
2024 - 2025

**Keterangan Projek:**  
Supply And Delivery Of Chair Trolleys For Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

Dibuka kepada pemberong-pemberong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00  
Tidak Dikembalikan

**Tarikh Tutup :**  
Selasa, 25 Mac 2025.



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN

Dibuka Kepada Pemberong-pemberong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

**Kelas :**  
V & VI Sahaja

**Kategori:**  
KA01 & M03

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**  
25 Mac 2025. (Selasa)

**Tarikh Tutup:**  
8 April 2025. (Selasa)

**Tidak Lewat Dari Jam :**  
2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSKB / 003 / 2025

**Nama Projek:**  
Menyatakan Sistem Saliran Di Belait Fasa 1.

**No. Projek:**  
DDS 1215-001 / ADBT-01

**Yuran Tawaran:**  
BND1,000.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**

Dibuka Kepada Pemberong-pemberong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

**Kelas:**  
(IV Sahaja)

**Kategori:**  
[B01 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**  
25 Mac 2025. (Selasa)

**Tarikh Tutup :**  
8 April 2025. (Selasa)

**Tidak Lewat Dari Jam :**  
2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DWS / 009 / 2025

**Nama Projek:**  
Menjalankan Kerja-Kerja Screening dan Coating Lantai Di Rumah Kimia Loji Rawatan Air Bukit Barun Peringkat 4 dan 5, Tutong

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**

Dibuka Kepada Pemberong-pemberong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

**Kelas:**  
(II & III Sahaja)

**Kategori:**  
[KA01 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**  
25 Mac 2025. (Selasa)

**Tarikh Tutup :**  
8 April 2025. (Selasa)

**Tidak Lewat Dari Jam :**  
2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DWS / 008 / 2025

**Nama Projek:**  
Kerja Mengelat dan Hardstanding Di Tangki Simpanan Air Mentiri

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**



KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 20 / 2025 / JPK (TC)

**Keterangan:**

The Provision Of Maintenance Services For Lifts At Jubli Perak Sengkurong Health Centre New Block, Ministry Of Health For A Period Of Five(5) Years

**Eligibility for Tenderers:**  
Registered with Ministry of Health and Ministry of Development

**Class:** -  
**Category:** KPME02

**Yuran Tawaran:**  
BND 10.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 51 / 2025 / SSBH

**Keterangan:**

To Supply, Install, Replace, Services And Troubleshoot Water Tower Essentials At Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 52 / 2025 / JPKAS

**Keterangan:**

The Provision Of Community Outreach Worker Services At Brunei Centre For Disease Control and Prevention (National Health Screening Programme) For A Period Of One (1) Year

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**

KK / 54 / 2025 / LAB (TC)

**Keterangan:**

To Supply And Delivery Laboratory Test Kits (Haematology Lab-Routine) With Equipment Rental For National Haematology Reference Laboratory, PMMPMHAMB Hospital

Laboratory, Suri Seri Begawan Hospital Laboratory (SSBH) And Pengiran Isteri Hajah Mariam (PIHM), Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

**Yuran Tawaran:**  
BND1,000.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 55 / 2025 / UPP (TC)

**Keterangan:**

The Provision Of Cleaning Services And Ground Maintenance Services For Child Development Centre (CDC), Kg Kiarong, Brunei Darussalam For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 57 / 2025 / SSBH

**Keterangan:**

Supply, Delivey, Installation, Testing And Commissioning

Surgical Mobile C-Arm Imaging System For Radiology Department, SSB Hospital Kuala Belait

**Yuran Tawaran:**  
BND 30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 58 / 2025 / HPC

**Keterangan:**  
Provision Of Execution & Promotion Of Bruhealth Events, Vendor Engagement For Brupoints Mall, And Marketing Campaigns For Bruhealth

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00

**Tarikh Tutup:**  
25 Mac 2025.  
Tidak lewat jam  
12.00 Tengah Hari.



JABATAN KASTAM DAN  
EKSAIS DIRAJA  
KEMENTERIAN KEWANGAN  
DAN EKONOMI

**Rujukan Sebut Harga:**  
JKED / TAWARAN / UPA / BL /  
Q / 2024 - 39

Perkhidmatan Pemotongan Rumput dan Pokok Serta Pembersihan Secara Berkontrak Selama Satu (01) Tahun Bagi Kawasan Terminal Kontena Muara (MCT), BKPU Muara dan Perumahan Di Bawah Kawalan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (Flat Tanjung Batu dan Perumahan Banglo, Semi Detached dan Teres Jalan Pelumpang Muara), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**Tarikh Tutup :**  
Selasa, 25 Mac 2025.





Pemberitahuan Tawaran Kementerian Pertahanan

Rujukan Tawaran:  
MINDEF / DFA / FY2024 / POC / TA / 07  
Pembelian Alat-Alat Kelengkapan Dewan Gerak Badan Rejimen Pasukan Khas ABDB (Fasa 3)

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah dua minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 8 April 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa, 15 April 2025.  
Jam 2.00 Petang.



Rujukan Tawaran:  
JPA / 1.4 / MISC / CS / 001 / 2025

**Tajuk Tawaran:**  
Supply, Delivery, Installation, Testing & Commissioning Of Digital Audio Conference System For Public Service Department

Rujukan Tawaran:  
JPA / 1.4 / A&S / TC / 001 / 2025

**Tajuk Tawaran:**  
Two-Years Term Contract For Supply And Delivery Of Printer Toner / Cartridge For Public Service Department

**Bayaran Tawaran:**  
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**  
Selasa, 25 Mac 2025



Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

**Kelas II, III, IV & V**  
**Kategori S07**

**Tarikh Buka Tawaran pada :**  
5 Mac 2025. (Rabu)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**  
25 Mac 2025. (Selasa)


**Tarikh Tutup Pada :**  
8 April 2025. (Selasa)  
Sebelum Jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

**JASTRE / BL / T004 / 2025**  
Kerja-Kerja Pemotongan Pokok dan Pencantasan Di Kawasan Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun (FSOR) – Zon B

**No. Projek:**  
JASTRE / BL / T004 / 2025

**Jumlah Yuran Tawaran:**  
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)



Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

**Kelas II, III, IV & V**  
**Kategori KPB12**

**Tarikh Buka Tawaran pada :**  
5 Mac 2025. (Rabu)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**  
25 Mac 2025. (Selasa)

**Tarikh Tutup Pada :**  
8 April 2025. (Selasa)  
Sebelum Jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

**JASTRE / BL / T003 / 2025**  
Kerja-Kerja Penambahbaikan dan Pemeliharaan Landskap Di Kawasan Landskap Baharu Di Lebuh Raya Tungku (Fasa 2).

**No. Projek:**  
JASTRE / BL / T003 / 2025

**Jumlah Yuran Tawaran:**  
BND 30.00  
(Tidak Dikembalikan)



## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

DI PELITA BRUNEI

 IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

 Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

[iklan.pb@information.gov.bn](mailto:iklan.pb@information.gov.bn)

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400  
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKU MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**Bilangan Tawaran :**  
JKP / SH / 2024 - 2025 / 49

**Tajuk Tawaran :**  
One Year General Cleaning For Tourism Development Department Office

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Khamis, 13 Mac 2025.  
Jam 12.00 Tengah Hari.



**Tawaran**

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 46 / 2025 / SMS (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medical Consumables Item For The State Medical Store For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 47 / 2025 / SMS (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medical Consumables Item (Surgical Dressings) For The State Medical Store For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:** BND 50.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 49 / 2025 / UPP (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Eye

Consumables Items (Acrysoft Toric Posterior Intraocular Chamber IOL) For Eye Centre, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:** BND 30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 50 / 2025 / UPP (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medical Consumables Of Phacoemulsification System For Eye Centre At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:** BND100.00

**Tarikh Tutup:**  
25 Mac 2025.  
Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari



# 498 ANAK YATIM TERIMA SUMBANGAN DERMA

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**BELAIT**, Isnin, 10 Mac. - Dalam sama-sama memelihara kebajikan anak-anak yatim di Daerah Belait, Tabung Amal Anak-anak Yatim Daerah Belait mengadakan Majlis Penyampaian Derma Kepada Anak-anak Yatim Daerah Belait Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi. Majlis berkenaan diadakan di Dewan Serbaguna, Pusat Insani, Seria.

Hadir selaku tetamu kehormat



pada majlis berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Tahlil yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Pekan Seria, Awang Mohammad Nawawi bin Bakhari.

Seramai 498 anak yatim berdaftar di Daerah Belait menerima sumbangan derma berkenaan yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Derma-derma berkenaan adalah sumbangan daripada Tabung Anak-anak Yatim Kebangsaan, Tabung Amal Anak-anak Yatim Daerah Belait dan juga dari Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Sementara itu, Syarikat Brunei Shell Petroleum (BSP) Sdn. Bhd. juga menyerahkan derma kepada anak-anak yatim yang disampaikan oleh Pengarah Urusannya, Johan Atema; dan Pengarah Sumber Manusia BSP, Dayang Erwienna Shafienaz binti Abu Bakar.

Manakala, Syarikat Suasana Mentari Engineering Services turut sama menghulurkan sumbangan derma kepada anak-anak yatim. Derma-derma berkenaan diserahkan oleh Pengarah Urusan syarikat berkenaan, Awang Yusof bin Haji Othman.

Pada majlis berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Belait juga menerima sumbangan sebanyak BND5,800 daripada syarikat-syarikat swasta dan persatuan-persatuan terdiri daripada Dewan Perniagaan Tionghua Daerah Belait, Asia Enterprise, Sullivans (B) Sdn. Bhd., Pustaka Remaja Sendirian Berhad, Syarikat Teras Maju Bookstore Sendirian Berhad, Hainan Association dan Tai Poo Community Association Brunei. Hadir sama pada majlis



**PEMANGKU** Pegawai Daerah Belait hadir selaku tetamu kehormat menyerahkan sumbangan kepada para penerima (atas). Manakala gambar bawah kiri, antara penerima yang hadir pada majlis yang diadakan di Dewan Serbaguna, Pusat Insani, Seria.

berkenaan ialah Ketua-ketua Jabatan dan Cawangan di Daerah Belait, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung Daerah Belait serta pegawai-pegawai BSP dan Syarikat Suasana Mentari Engineering Services.

Dengan adanya majlis berkenaan maka dapatlah sedikit sebanyak membantu menceriakan anak-anak yatim dalam membuat persediaan menjelangnya Hari Raya Aidilfitri.

Orang ramai yang ingin menyampaikan sumbangan derma ke Tabung Amal Anak-anak Yatim Daerah Belait adalah dialu-alukan dengan berhubung terus ke Urus Setia Tabung Amal Anak-anak Yatim Daerah Belait, Bahagian Perhubungan Awam, Penyelidikan dan Teknologi Maklumat, Tingkat II, Jabatan Daerah Belait atau menghubungi terus ke talian +673 3334335 sambungan 1195.

## 136 anak yatim Daerah Temburong terima sumbangan

Oleh : Hajah Siti Zuraiah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



LONG Sheng dan Dayang Nadeera binti Abdul Wakil semasa ditemui bual (kiri dan kanan).

**TEMBURONG**, Isnin, 10 Mac. - Kebajikan dan kesejahteraan anak-anak yatim di negara ini terus mendapat perhatian terutamanya pada bulan Ramadan yang mulia ini dengan pelbagai pihak dan dermawan menghulurkan sumbangan bagi meraih keberkatan.

Sehubungan itu dalam



kampung, Ketua-ketua Cawangan Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Temburong dan para dermawan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Tahlil, Doa Arwah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Belais, Awang Mohd. Safwan bin Zolkipli.

Acara kemudiannya diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim Daerah Temburong kepada seramai 136 penerima yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan penyampaian derma kepada Tabung Anak-anak Yatim Daerah Temburong daripada para penderma.

Sumbangan hari ini adalah sumbangan derma daripada Tabung Anak-anak Yatim Daerah Temburong, Tabung Kebangsaan, Bank Islam Brunei Darussalam, Orang Persendirian dan syarikat-syarikat swasta.

Semasa ditemui Pelita Brunei, salah seorang ibu kepada penerima sumbangan, Dayang Salehzah binti Aji dari Kampung Menengah, mewakili lima orang anak beliau, Awangku Muhammad Khairuddin Ar-Rasyid, Dayangku Nur Syafiqah Ni'matul Izzah, Dayangku Nur Syarifah Ni'matul Izzah, Dayangku Nur Syafirah Ni'matul Izzah dan Awangku Muhammad Hafizuddin Ar-Rayyan, bersyukur atas sumbangan yang diterima dan berterima kasih kepada para dermawan yang telah sudi menyumbang kepada anak-anak yatim di daerah ini.

Menurutnya sumbangan berkenaan sedikit sebanyak akan dapat membantunya mempersiapkan keperluan anaknya bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri manakala sebahagian lagi akan disimpan bagi kegunaan perbelanjaan persekolahan anaknya.

Manakala bagi Dayang Nadeera binti Abdul Wakil merupakan salah seorang pelajar di Sekolah Rendah Rataie menjelaskan, sumbangan yang diterima itu akan



**PEMANGKU** Pegawai Daerah Temburong hadir selaku tetamu kehormat menyerahkan sumbangan kepada penerima (atas), manakala gambar bawah kiri, antara penerima yang hadir pada majlis berkenaan.

disimpan dan digunakan bagi membeli barang-barang yang diperlukan nanti.

Beliau juga melahirkan ucapan terima kasih atas derma yang dihulurkan tersebut yang sedikit sebanyak akan dapat membantu beliau menjelang Sambutan Hari Raya Aidilfitri ini.

Sementara seorang lagi penerima, Long Sheng, berusia 7 tahun, juga

merakamkan penghargaan dan terima kasih atas sumbangan derma berkenaan, di mana beliau berhasrat untuk menyimpannya bagi kegunaan

dan keperluan pada masa akan datang.

Dengan adanya sumbangan ini, selain membantu meringankan beban perbelanjaan anak-anak yatim semasa menyambut bulan Syawal nanti, diharatkannya agar anak-anak yatim akan dapat membelanjakan sumbangan berkenaan dengan sebaiknya dan sekali gus dapat menabung bagi kegunaan pada masa hadapan.



IBU kepada penerima sumbangan, Dayang Salehzah binti Aji.

# Jauhi Berkata : "Aku Lupa" Terhadap Ayat Al-Qur'an

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

**M**ENGHAHAL al-Qur'an merupakan amalan yang biasa dilakukan oleh masyarakat Islam, sama ada al-Qur'an yang dihafal itu ayat-ayat tertentu atau surah-surah tertentu atau keseluruhan al-Qur'an. Pada kebiasaannya, apabila orang yang menghafal al-Qur'an lupa akan suatu ayat al-Qur'an, dia akan berkata : "Aku lupa" terhadap ayat al-Qur'an. Persoalannya, adakah mengatakan lupa terhadap al-Qur'an itu ungkapan yang betul untuk menyatakan dia lupa akan ayat al-Qur'an yang telah dihafalnya? Oleh itu, Irsyad Hukum kali ini akan memberi penjelasan mengenainya.

Berkata : "Aku lupa" terhadap al-Qur'an seperti lupa suatu ayat al-Qur'an atau lupa suatu surah al-Qur'an merupakan perbuatan yang dilarang berdasarkan hadits daripada 'Abdullah bin Mas'ud Radhiallahu 'anhу beliau berkata, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

**Maksudnya** : Janganlah seseorang daripada kamu berkata : "Aku lupa ayat (al-Qur'an) ini dan ini", bahkan (sepatautnya dia berkata) dia dilupakan.

(Hadits riwayat Muslim)

Dalam hadits yang lain, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam mencela orang yang berkata : "Aku lupa" terhadap suatu ayat al-Qur'an sebagaimana hadits daripada 'Abdullah bin Mas'ud Radhiallahu 'anhу beliau berkata, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

**Maksudnya** : Seburuk-buruk (sesuatu yang berlaku) bagi salah seorang daripada kamu (ialah) dia berkata : "Aku lupa ayat (al-Qur'an) ini dan ini", bahkan (sepatautnya dia berkata) dia dilupakan.

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Menurut para ulama, berkata : "Aku lupa" terhadap al-Qur'an berkait dengan sikap bermudah-mudah terhadap al-Qur'an dan juga sikap lalai daripada mengingati al-Qur'an yang telah dihafalnya. Maka seseorang itu dilarang untuk berkata : "Aku lupa" terhadap al-Qur'an sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam an-Nawawi Rahimahullah dalam kitabnya al-Minhaj Fi Syarh Shahih Muslim :

**Erinya** : Sesungguhnya dilarang (seseorang itu) daripada (berkata) "Aku telah lupa akannya (ayat al-Qur'an)" kerana ia (ungkapan "Aku lupa" tersebut) mengandungi sikap bermudah-mudah padanya (ayat al-Qur'an) dan sikap lalai terhadapnya (ayat al-Qur'an).

Imam Ibn Hajar al-'Asqalani Rahimahullah dalam kitabnya Fath al-Bari pula menjelaskan bahawa celaan terhadap berkata : "Aku lupa" terhadap al-Qur'an sebagaimana yang disebut dalam hadits di atas itu dikaitkan dengan sikap tidak mengulang hafalan al-Qur'an serta tidak melazimi diri untuk membaca al-Qur'an kerana sikap sedemikian yang akan menyebabkan lupa. Menurut beliau lagi, sebab celaan daripada hadits tersebut ialah pada mengatakan "Aku lupa" itu merupakan pemberitahuan berkenaan sikapnya yang tidak mengambil peduli terhadap al-Qur'an. Menurut beliau lagi, lupa terhadap suatu ayat al-Qur'an itu tidak akan berlaku kepada diri seseorang melainkan seseorang itu tidak melazimkan

dirinya membaca al-Qur'an dan terjadi banyak kelalaian sehingga dia tidak membaca al-Qur'an. Jika dia melazimkan dirinya membaca al-Qur'an, nescaya akan kekal hafalannya. Bahkan jika seseorang berkata : "Aku lupa suatu ayat al-Qur'an", maka seolah-olah dia menjadi saksi terhadap dirinya akan kelalaianya daripada melazimi dirinya untuk membaca al-Qur'an.


Oleh itu menurut Imam Ibn Hajar al-'Asqalani Rahimahullah lagi, larangan berkata : "Aku lupa" terhadap al-Qur'an adalah sebagai larangan kepada seseorang supaya tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menyebabkan dia lupa suatu ayat al-Qur'an sehingga mengakibatkan dia mengatakan lafaz "Aku lupa" tersebut.

Menurut Imam as-Sindi Rahimahullah dalam Hasyiyah kitab Sunan an-Nasa'i, menghindari daripada berkata : "Aku lupa ayat al-Qur'an" atau yang seumpamanya adalah lebih baik untuk mengelak dari menyerupai lafaz yang diungkapkan dalam al-Qur'an pada mencela orang-orang yang berpaling dari peringatanNya sebagaimana firmanNya :

**Tafsirnya** : Allah berfirman : "Demikianlah telah datang kepadamu ayat-ayat keterangan Kami maka engkau melupakannya dan demikianlah (pula) pada hari ini engkau dilupakan."

(Surah Thaha : 126)

Menurut Imam an-Nawawi Rahimahullah dalam kitabnya al-Minhaj Fi Syarh Shahih Muslim, larangan berkata : "Aku lupa" terhadap ayat al-Qur'an adalah larangan yang berbentuk makruh tanzih. Makruh tanzih bermaksud meninggalkannya lebih baik daripada



melukannya.

Berdasarkan panduan daripada hadits di atas serta penjelasan para ulama mengenainya, adalah lebih baik bagi seseorang tidak berkata : "Aku lupa" terhadap ayat al-Qur'an, tetapi hendaklah dia berkata : "Aku dilupakan" terhadap ayat al-Qur'an sebagaimana yang dinyatakan hadits di atas.

Menurut asy-Syaikh al-Mubarakfuri Rahimahullah dalam kitabnya Minnah al-Mun'im Fi Syarh Shahih Muslim, berkata : "Aku dilupakan" terhadap ayat al-Qur'an merupakan adab terhadap al-Qur'an dan terhadap ayat-ayat al-Qur'an.

Oleh kerana terdapat celaan bagi orang yang berkata : "Aku lupa" terhadap al-Qur'an, maka seseorang itu apabila dia lupa akan ayat al-Qur'an, hendaklah dia menjauhi dari berkata : "Aku lupa" bahkan hendaklah dia berkata : "Aku dilupakan".

## Let's Raya 2025 bakal kembali dengan pelbagai pilihan



THEVENT Co selaku penganjur acara Let's Raya menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan rakan-rakan acara yang berlangsung di D'Sunlit Sdn. Bhd., Beribi (atas dan atas kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BERIBI**, Isnin, 10 Mac. - Let's Raya, acara fesyen terkenal di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan konsep eksklusif dan pengalaman membeli-belah mewah, kini kembali dengan Edisi 2025.

Acara yang akan berlangsung pada 20 hingga 23 Mac 2025 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas ini menjanjikan untuk meningkatkan kemeriahan membeli-belah raya dengan pameran jenama dan vendor antarabangsa yang diperlukan.

Sehubungan itu, Thevent Co selaku penganjur acara berkenaan telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan rakan-rakan acara

termasuk Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Imagine Sdn. Bhd., Cuckoo, Mixmedia, Oregon Systems, Brunei Events dan Ranoadidas yang berlangsung di D'Sunlit Sdn. Bhd., Beribi.

Menandatangani bagi pihak Thevent Co ialah Awang Hambali bin Pehin Dato Haji Mohd. Salleh bersama dengan rakan-rakan kongsi yang terlibat. Dengan membawakan tema 'Threads of Heritage' Let's Raya 2025 merangkumi inti pati perpaduan melalui fesyen, melambangkan penggabungan keluarga daripada pelbagai latar belakang untuk menyambut Hari Raya.

Ia juga menyerlahkan kebangkitan fesyen tradisional,

dengan banyak jenama terkenal membawa kembali seni klasik seperti Modest Kebaya, Baju Kurung dan lain-lain, menggabungkan tradisi dengan keanggunan kontemporari.

Selaras itu, acara tersebut akan menampilkan pilihan eksklusif vendor dari Malaysia. Para penjual tersebut bersama-sama dengan pereka terkenal dan label fesyen lain akan menawarkan rangkaian fesyen, aksesori dan produk gaya hidup, pengalaman membeli-belah yang tiada tandingan.

Selain itu juga, jenama tempatan seperti T.Silk, Sharqaa dan Saddeedin Pastries akan memperkenalkan koleksi dan tarawan istimewa mereka. Acara empat hari itu nanti, para pengunjung boleh mendapatkan pelbagai pilihan barang fesyen

dan gaya hidup termasuk pakaian raya, alat solek, aksesori kediaman dan banyak lagi.

Lebih 60 vendor yang akan mengambil bahagian dalam Let's Raya 2025. Thevent Co komited

untuk mewujudkan pasaran yang bertenaga, mengasyikkan budaya dan eksklusif yang meraikan semangat Ramadhan dan Aidilfitri dengan penuh gaya.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia  
Sila muat turun

PenggunaBijak



# NUQRA CARE HULUR SUMBANGAN KONGSI REZEKI RAMADAN

Siaran Akbar dan Foto : Nuqra Care



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 10 Mac. - Sempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan, Nuqra Care meneruskan usaha berkebajikan dengan mengadakan Majlis Penyerahan Sumbangan Kongsi Rezeki Ramadan yang berlangsung di hadapan Pejabat Nuqra Care, baru-baru ini. Program ini bertujuan bagi membantu golongan yang memerlukan dengan sumbangan makanan asasi.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tenaga pengajar Nuqra Quranic, diikuti dengan ucapan daripada Pengarah Urusan Nuqra, Awang Mohammad Akmal bin Haji Marsidi yang menyampaikan harapan agar sumbangan yang diberikan dapat membantu meringankan beban para penerima dalam menjalani ibadah puasa.

Dalam majlis ini, Nuqra Care

telah menyampaikan sumbangan berupa barang keperluan asas kepada penerima yang telah dikenal pasti melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Seramai 40 keluarga menerima sumbangan melalui majlis penyerahan yang diadakan di samping lebih 90 keluarga lagi menerima sumbangan melalui penghantaran terus ke rumah mereka.

Setiap penerima telah menerima pek sumbangan yang mengandungi beras, minyak masak, makanan dalam tin dan barang asas lain bagi membantu persiapan berbuka dan sahur mereka sepanjang Ramadan. Seorang penerima sumbangan yang ditemui menyatakan rasa syukur atas bantuan yang diberikan.

"Alhamdulillah, terima kasih kepada Nuqra Care dan semua yang menyumbang. Sumbangan ini sangat membantu kami sekeluarga untuk menyambut Ramadan dengan lebih tenang," katanya.

Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran para penerima sumbangan serta guru dan kakitangan Nuqra yang bersama-sama menjayakan



NUQRA Care meneruskan usaha berkebajikan dengan mengadakan Majlis Penyerahan Sumbangan Kongsi Rezeki Ramadan (atas dan kiri).

program ini. Dengan adanya program seperti ini, diharapkan lebih ramai individu dan organisasi turut serta dalam menyebarkan semangat berkongsi rezeki sepanjang Ramadan.

Program ini merupakan inisiatif tahunan Nuqra Care dalam menggalakkan semangat berkongsi rezeki serta menyebarkan keberkatan

Ramadan kepada masyarakat yang memerlukan.

Nuqra Care komited dalam menjalankan inisiatif kebajikan dan pembangunan komuniti, selari dengan nilai-nilai Islam yang menekankan kepentingan membantu sesama insan.

Semoga usaha ini menjadi asbab keberkatan bagi semua pihak yang terlibat.

## Jangan mudah terpedaya, mempercayai maklumat palsu

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 10 Mac. - Berikutnya satu akaun di aplikasi TikTok dengan akaun nama @sultanhajihassanabolkiah yang menggunakan logo rasmi Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) sebagai gambar profil TikTok telah memuat naik maklumat palsu mengenai pendaftaran untuk mendapatkan Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) sebanyak BND500 dan pendaftaran untuk mendapatkan kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya Aidilfitri.

JAPEM ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa

<https://www.tiktok.com/@sultanhajihassanabolkiah>



maklumat berkenaan adalah tidak benar dan jabatan ini tidak berkaitan dengan akaun berkenaan dan juga tidak pernah mengeluarkan kenyataan seperti yang disebarluaskan.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk berhati-hati, tidak mudah terpedaya dan mempercayai maklumat-maklumat yang disebarluaskan melalui aplikasi sosial tanpa memastikan kesahihannya terlebih dahulu.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk tidak mengongsikan butiran peribadi kepada pihak tertentu yang belum dipastikan kesahihannya.

JAPEM sangat memandang serius terhadap isu penyalahgunaan logo jabatan dan perkara berkenaan juga telah dilaporkan kepada pihak berkuasa.

JAPEM juga turut mengingatkan orang ramai bahawa perbuatan menyebarkan maklumat tidak sahih, apakah lagi yang palsu dan direka oleh mereka yang semata-mata berniat untuk mengelirukan adalah menjadi kesalahan dan boleh dilaporkan di bawah perundangan Akta Ketenteraman Awam, Penggal 148 (Public Order Act, Cap 148) Seksyen 34, iaitu sesiapa yang sama ada menggunakan lisan atau tulisan atau menggunakan sebarang cara, menyebarkan laporan yang salah atau membuat kenyataan yang salah, yang menyebabkan ketenteraman awam terganggu boleh dipenjarakan tiga tahun atau denda sebanyak BND3,000 atau kedu-duanya sekali.

Bagi maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi JAPEM, KKBS melalui Talian Kebajikan 141 yang beroperasi 24 jam jika ingin melaporkan sebarang isu-isu yang melibatkan kebajikan dan kemaslahatan orang ramai.

Platform rasmi berkenaan adalah untuk memastikan maklumat dan isu yang diadukan akan diambil tindakan dengan segera dan berkesan serta mengelakkan daripada penyebaran berita-berita palsu dan berita-berita tular yang mungkin dapat mengangu ketenteraman awam dan juga disalah guna.

AKAUN di aplikasi TikTok dengan akaun nama @sultanhajihassanabolkiah yang menggunakan logo rasmi Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai gambar profil TikTok telah memuat naik maklumat palsu.

## Seorang individu, 4 syarikat dikenakan kompaun

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 10 Mac. - Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara telah mengeluarkan denda kompaun ke atas seorang individu kerana didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Penggal 30) di Kawasan Letak Kereta Dewan Kemasyarakatan Lambak Kanan CC1.

Individu berkenaan merupakan seorang warga negara tempatan, Awang Muhammad Nur Izz Waldan bin Haji Mohd. Noor Irwan dan didenda kompaun pada 4 Mac 2025, berjumlah BND100.

Manakala di operasi yang berasingan, empat buah syarikat di Kampung Teruning dan Kampung Lambak Kiri, Mukim Berakas 'A' dan di Kampung Tanjong Nangka dan Kampung Selayan, Mukim Sengkurong telah didapati melonggokkan sampah di tempat yang menyalahi undang-undang di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Penggal 30).

Syarikat-syarikat berkenaan ialah Lee Moi Teknika Sdn. Bhd. didenda kompaun pada 6 Mac 2025, berjumlah BND2,000; Mega Jaz Enterprise dikenakan didenda kompaun pada 8 Mac 2025, berjumlah BND1,000; Hondatech Workshop dikenakan kompaun pada 10 Mac 2025, berjumlah BND1,000; dan Saneshes Trading dikenakan tawaran kompaun pada 10 Mac 2025, berjumlah BND500.

Individu dan syarikat-syarikat berkenaan diarahkan untuk membayar denda kompaun dalam masa tujuh hari. Jika gagal melunaskan denda berkenaan, kes akan dibawa ke mahkamah di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Penggal 30), iaitu jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman tidak melebihi BND9,000 bagi individu dan tidak melebihi BND30,000 bagi syarikat atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Pihak jabatan juga ingin memohon kerjasama orang ramai untuk menyalurkan sebarang maklumat mengenai pembuangan sampah yang menyalahi undang-undang dengan menyertakan alamat lokasi berserta gambar-gambar melalui pesanan WhatsApp +673 8321581.



MELONGGOKKAN sampah di tempat yang menyalahi undang-undang di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Penggal 30).

# 2 PRODUK KOSMETIK DICEMARI BAHAN TERLARANG

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 10 Mac. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan dua produk kosmetik yang mana hasil daripada ujian makmal Bahagian Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan telah mendapat bahawa produk tersebut dicemari dengan bahan terlarang / bahan racun berjadual yang tersenarai di dalam Akta Racun 1956 yang tidak diisyiharkan.

Produk kosmetik tercemar yang berkenaan adalah Perfect Formula by Brilliant Skin Essentials Extra Strength Filter-Free Exfoliating Facial Set - Facial Toner and Perfect Formula by Brilliant Skin Essentials Extra Strength Filter-Free Exfoliating Facial Set - Facial Cream yang mana kedua-dua pengilang dari Filipina yang dicemari oleh Hydroquinone.

Bahan-bahan pencemar dalam produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Hydroquinone adalah bahan yang digunakan dalam ubat-ubatan yang memerlukan preskripsi bagi merawat penyakit kulit dan ia dilarang sebagai bahan di dalam produk kosmetik penjagaan kulit di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007.

Penggunaan Hydroquinone tanpa pengawasan boleh menyebabkan perubahan warna kulit, hipersensitiviti, bahagian kulit yang disapu menjadi biru-hitam atau gelap serta boleh meningkatkan risiko kanser kulit.



**PRODUK** - produk kosmetik dicemari dengan bahan terlarang / bahan racun berjadual yang tersenarai di dalam Akta Racun 1956 yang tidak diisyiharkan (kiri dan atas kanan).

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan untuk penjualan produk tersebut dan/atau mengeluarkan Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik bagi penjualan produk-produk tersebut.

Berikutnya dapatan ini, produk-produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah menggunakan produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan penggunaannya dengan serta-merta. Jika mereka mengalami kesan adverse dan berasa tidak sihat selepas menggunakan produk-produk berkenaan, hendaklah berjumput doktor dengan segera.

Penjualan produk tersebut (termasuk penjualan secara online seperti melalui Facebook dan sebagainya) adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007 dan jika didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi BND5,000, penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama

daripada orang ramai untuk melaporkan kepada Bahagian Komplians dan Perlesenan jika mendapati produk-produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Komplians dan Perlesenan melalui talian telefon +673 2393301 sambungan 208; menghantar e-mel kepada [pharmacy.enforcement@moh.gov.bn](mailto:pharmacy.enforcement@moh.gov.bn); berjumpa terus Pegawai Komplians dan Perlesenan di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A' atau hubungi Talian Darussalam 123.



## Selera KAMPUNG Kitani



Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

## Ikan Merah Masak Kari Kampung Mata-Mata

### BAHAN-BAHANNYA :

1 ekor ikan merah  
Serai yang dititik  
2 tangkai daun kari  
1 sudu kecil halba campur / rempah 4 sekawan  
4 sudu besar banchuan serbuk kari ikan babas yang dicampur sedikit air  
1 sudu kecil Serbuk Cili Babas  
1 kotak santan kara saiz sederhana besar  
Suyur kacang bendir  
Suyur terung

### Tomato

Sedikit banchuan air asam jawa  
Air secukupnya  
Garam dan gula (secukup rasa)

### Bahan untuk dikisar halus / hiris nipis

6 ulas bawang merah  
6 ulas bawang putih  
3 inci halia

### CARA MEMASAK :

Tuang sedikit minyak lalu panaskan. Tumiskan bahan kisar

/ bahan yang dihiris nipis, daun kari, serai dan halba campur / rempah 4 sekawan. Tumis hingga sedikit kekuningan.

Kemudian masukkan banchuan kari serta serbuk cili yang dicampur dengan sedikit air. Kacau hingga kari pecah minyak. Tuang sedikit air, sedikit demi sedikit. Ulang langkah yang sama hingga pecah minyak. Kemudian masukkan santan, garam dan gula. Kacau hingga mendidih.

 NO PHONE

**Jangan Menggunakan Telefon Bimbit Semasa Memandu**

#YOUandME

**Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA**

 Always Wear a seatbelt  
  No mobile phones while driving  
  Spending is dangerous  
  Do not drive under influence  
  Wear helmet and proper attire while riding  
  Always watch out for other road users  
  Always check tyres

[www.mkkjr.gov.bn](http://www.mkkjr.gov.bn)

# 250 GURU SEKOLAH UGAMA SERTAI MAJLIS PENUTUP TADARUS



**SUASANA** Majlis Tadarus Al-Quran Bulan Ramadan bagi Guru-guru Ugama Kawasan Brunei IV yang berakhir dengan Majlis Penutup Tadarus yang diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Mulaut (atas, atas kanan dan bawah kanan).

**MULAUT**, Selasa, 11 Mac. - Majlis Tadarus Al-Quran Bulan Ramadan bagi Guru-guru Ugama Kawasan Brunei IV berakhir dengan Majlis Penutup Tadarus yang diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam (SU PAPAUAI), Mulaut, hari ini.

Kira-kira 250 guru sekolah-sekolah ugama Kawasan Brunei IV menyertai Majlis Penutup Tadarus berkenaan. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu khas majlis, Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah

Mariana binti Haji Jamil. Diikuti dengan bacaan surah-surah lazim dipimpin oleh Guru Ugama, SU PAPAUAI, Mulaut, Awang Mohd. Azwan bin Alawi. Seterusnya bacaan Tahlih dan doa dipimpin oleh Guru Sekolah Ugama Mulaut (BSR), Awang Jaman bin Haji Munap. Manakala Doa Khatam dibacakan oleh Guru Sekolah Ugama Pengiran Muda 'Abdul Malik, Bengkong, Awang Mohd. Bungsu bin Haji Othman.

Acara diserikan dengan Dikir Marhaban dan diteruskan dengan penyampaian cenderamata kepada guru-guru yang telah bersara oleh

tetamu khas majlis. Acara diakhiri dengan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis Tadarus Al-Quran Bulan Ramadan bagi Guru-guru Ugama Kawasan Brunei IV merupakan aktiviti tahunan kelolaan Jawatankuasa Pemimpin Sekolah-sekolah Ugama (JKPPSU) Kawasan Brunei IV bagi mengimarah bulan Ramadan dengan amalan-amalan ibadah yang berkebajikan serta meraih pahala berlipat ganda dan keberkatan di bulan Ramadan di samping mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan guru-guru ugama.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



## Sumbangan derma bantu ringankan beban keluarga

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Alishahrin Haji Mumin



**AWANG** Muhd. Yasri Syafie bin Abdul Qayyum (kiri) dan Dayang Fara Farzana binti Abdullah (bawah kanan) semasa ditemu bual.

mereka.

Awang Muhd. Yasri Syafie bin Abdul Qayyum dari Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolqiah menzahirkan ucapan terima kasih atas bantuan yang diberikan.

Katanya lagi, sumbangan berkenaan akan dapat meringankan beban beliau dan keluarganya dalam sama-sama membeli keperluan berpuasa dan Syawal nanti.

Begitu juga dengan Dayang Fara Farzana binti Abdullah yang berumur 16 tahun, turut berasa terharu atas bantuan berkenaan. Beliau juga menyatakan, bantuan berkenaan akan digunakan untuk membeli barang-barang peralatan sekolah di samping membeli pakaian bagi menyambut lebaran yang akan datang.

Sementara itu, ketiga-tiga adik-beradik, iaitu Dayang Eleena-lily Sofea Imani Rizqin binti Edy Asmyra@Almeera Aathirah Wareesha Shaista, Awang Daryl Rafael bin Edy Asmyra@Almeera Aathirah Wareesha Shaista dan



**BELAIT**, Isnin, 10 Mac. - Kesejahteraan dan kebajikan golongan anak-anak yatim di Daerah Belait terus diberikan perhatian oleh pihak kerajaan di negara ini.

Justeru itu, anak-anak yatim yang menerima sumbangan derma yang diadakan di Pusat Insani Seria rata-rata melahirkan rasa syukur dan gembira atas bantuan derma yang dihulurkan kepada



**KETIGA-tiga adik-beradik**, iaitu Awang Aakif Anaqi bin Edy Asmyra@Almeera Aathirah Wareesha Shaista, Dayang Eleena-lily Sofea Imani Rizqin binti Edy Asmyra@Almeera Aathirah Wareesha Shaista dan Awang Daryl Rafael bin Edy Asmyra@Almeera Aathirah Wareesha Shaista.

**Selamatkan Usus Awda.**

**Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.**

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.pppk.gov.bn](http://www.pppk.gov.bn)

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

\*Sasaran pemeriksaan:  
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Logo Kementerian Kesihatan Malaysia

MUKA 2

PELITA BRUNEI, Rabu 3 Mac, 1965.

## 58 ORANG GURU2 BAHARU KELUARAN M.P.K.B. DAN M.P.M.B. MENGAJAR DI-SEKOLAH2 MELAYU

### Di-Negeri Brunei Mulai 7 Februari

**BANDAR BRUNEI.** — Seramai 58 orang Guru2 dari Negeri Brunei keluaran Maktab Perguruan Kota Bharu, Kelantan dan Maktab Perguruan Melayu Brunei telah bertugas mengajar sebagai Guru2 Penolong di-Sekolah2 Melayu dalam Negeri Brunei mulai pada hari Ahad 7 Februari, 1965, ia-itu hari permulaan Penggal I tahun ini.

Guru2 tersebut mengandungi 8 orang Guru2 keluaran Maktab Perguruan Kota Bharu Kelantan dan 50 orang Guru2 keluaran Maktab Perguruan Melayu Brunei, ada-lah saperti di-bawah ini:

### GURU2 KELUARAN M.P.K.B.

1. Chegu Dk. Masnonah bt P. Damit mengajar di-Sekolah Melayu Delima I, Berakas. 2. Chegu Rosnah binte Ibrahim mengajar di-Sekolah Melayu R.I.F., Brunei. 3. Chegu Bidin bin Labuan mengajar di-Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong. 4. Chegu Ak. Duraman bin P. Baha mengajar di-Sekolah Melayu S.M.J. A., Brunei.

5. Chegu Mohd. Johary bin Moktar mengajar di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait. 6. Chegu Abdul Latif bin Burut mengajar di-Sekolah Melayu Abdul Rashid Tg. Maya. 7. Chegu Abdullah bin Othman mengajar di-Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar. 8. Chegu Ak. Ibrahim bin P. A. Bakar mengajar di-Sekolah Melayu Sengkurong.

### GURU2 KELUARAN M.P.M.B.

1. Chegu Abdullah bin A. Rahman mengajar di-Sekolah Melayu B. Sakam Bunut. 2. Chegu Abd. Rahman bin Muhamad mengajar di-Sekolah Melayu Pengkalauan Batu. 3. Chegu Mahmud bin Lamat mengajar di-Sekolah Melayu Lumapas. 4. Chegu M. Kassim bin H. Kasah mengajar di-Sekolah Melayu Katu Mahar. 5. Chegu A. Moksin bin Bakir mengajar di-Sekolah Melayu Pengkalauan Batu.

6. Chegu Pawi bin Haji Pauji mengajar di-Sekolah Melayu Delima I, Berakas. 7. Chegu Talib bin Pangis mengajar di-Sekolah Melayu Delima I, Berakas. 8. Chegu Abd. Latif bin

Chuchu mengajar di-Sekolah Melayu Burong Pingai Baharu. 9. Chegu Md. Yusuf bin Muhamad mengajar di-Sekolah Melayu Muhammad 'Alam Seria. 10. Chegu Ak. Muhamad bin P. Abas mengajar di-Sekolah Melayu Anggeruk Desa.

11. Chegu Berudin bin Asar mengajar di-Sekolah Melayu Puni. 12. Chegu Dk. Maimunah bte P. Ahmad mengajar di-Sekolah Melayu B. Sakam Bunut. 13. Chegu Rokiah bte Husain mengajar di-Sekolah Melayu S.U.A.S. Muara. 14. Chegu Muhamad bin H. Yassin mengajar di-Sekolah Melayu Puni. 15. Chegu Ak. Hassan bin P. Mohiddin mengajar di-Sekolah Melayu Kasat.

16. Chegu Ak. Sabtu bin P. Kula mengajar di-Sekolah Melayu Kampong Bukit Tutong. 17. Chegu Abd. Talib bin Jair mengajar di-Sekolah Melayu O.K.S.B. Kilanas. 18. Chegu Ak. Damit bin P. Ahmad mengajar di-Sekolah Melayu Ukong. 19. Chegu Md. Jamil bin Mudin mengajar di-Sekolah Melayu Sungai Hanching. 20. Chegu Abd. Kani bin Bangkul mengajar di-Sekolah Melayu Kampong Menengah.

21. Chegu Ak. Tengah b P. A. Rahman mengajar di-Sekolah Melayu Sungai Kebun. 22. Chegu Suboh binte Kalong mengajar di-Sekolah Melayu R.I.F., Brunei. 23. Chegu Ibrahim bin Kasim mengajar di-Sekolah Melayu Subok. 24. Chegu Yahya bin Md. Daud mengajar di-Sekolah Melayu Batu Marang. 25. Chegu Abd. Kani bin Md. Said mengajar di-Sekolah Melayu Sengkurong. 26. Chegu Abd. Rahman bin Karim mengajar di-Sekolah Melayu S.M.J. A., Brunei. 27. Chegu Ahmad bin Tudin mengajar di-Sekolah Melayu Panchor Murai. 28. Chegu Ahmad bin Abd. Rahman mengajar di-Sekolah Melayu S.M.J.A., Brunei. 29. Chegu Idris bin Tahir mengajar di-Sekolah Melayu Sengkurong. 30.

Chegu Aminah binte Abd. Rahman mengajar di-Sekolah Melayu R.I.F., Brunei.

31. Chegu M. Hassan bin Tahir mengajar di-Sekolah Melayu Lela Menchanai. 32. Chegu Md. Salleh bin A. Hamid mengajar di-Sekolah Melayu O.K.S.B. Kilanas. 33. Chegu Morshidi bin Peli mengajar di-Sekolah Melayu Pintu Malim. 34. Chegu Shahbudin bin Taha mengajar di-Sekolah Melayu Sengkurong. 35. Chegu M. Husain bin A. Bakar mengajar di-Sekolah Melayu S.U.A.S. Muara.

36. Chegu Md. Said bin Idris mengajar di-Sekolah Melayu Danau. 37. Chegu Zainal bin Periau mengajar di-Sekolah Melayu Bukit Sawat. 38. Chegu Ismail bin Hassan mengajar di-Sekolah Melayu Delima I, Berakas. 39. Chegu Othman bin Durani mengajar di-Sekolah Melayu Sungai Liang. 40. Chegu Badaruddin b. A. Rashid mengajar di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait.

41. Chegu Tinah bte Abd. Rahman mengajar di-Sekolah Melayu Muhamad 'Alam Seria. 42. Chegu Ibrahim bin Abd. Rahman mengajar di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait. 43. Chegu Abdullah bin A. Bakar mengajar di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait. 44. Chegu Ak. Muhamad b. P. M. Salleh mengajar di-Sekolah Melayu Muhamad 'Alam Seria. 45. Chegu Aspawi bin Abd. Latif mengajar di-Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong.

46. Chegu Md. Taib bin Sulaiman mengajar di-Sekolah Melayu S.M.J. A., Brunei. 47. Chegu Ukit bin Mut mengajar di-Sekolah Melayu Ukong. 48. Chegu Dk. Rokiah bte P. Bakar mengajar di-Sekolah Melayu Muhamad 'Alam Seria. 49. Chegu Ha'nan bin Sha'ari mengajar di-Sekolah Melayu Kiudang. 50. Chegu Jair bin Inggar mengajar di-Sekolah Melayu Rambai.

## 22 ORANG PENUNTUT2 BRUNEI LULUS PEPEREKSAAAN BERSAMA S.P.T. DAN S.U.P.

**BANDAR BRUNEI.** — Seramai 22 orang penuntut2 telah lulus Pepereksaan Bersama Sijil Persekolahan Tinggi dan Sijil Umum Pelajaran yang telah di-adakan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dalam bulan November tahun 1964.

Lima orang daripada penuntut2 itu telah di-berikan Sijil Persekolahan Tinggi dan baki-nya Sijil Umum Pelajaran.

Penuntut2 yang telah mendapat Sijil Persekolahan Tinggi ia-lah:

Bahaiki bin Jamil, Chua Peng Siong, Francis Fong Joon Fah, Nordin bin Md. Yusof dan Abdul Jalil bin Abdul Rahman.

Penuntut2 yang telah mendapat Sijil Umum Pelajaran ia-lah: Awangku Md. Zain bin Pen-

giran Haji Lampoh, Arthur Andrews, Bahar bin Yahya, David Chong Khim Ki, Dennis Teo, Han Foo Kwang.

Ibrahim bin Haji Mat Yassin, Md. Yassin bin Salleh, Misli binti Awang, Ng Thian Seng, Paul Yapp Pit Chung.

Yapp Fook Sang, Wee Liang Foott, Wo Chew Pak Abdul Rashid bin Abdul Aziz, David Cumaresan Arulanantham dan Raja Ahmad bin Raja Abdullah.

## Mashuarat Agong P.A.P.P. Kampong Sultan Lama

**KAMPONG SULTAN LAMA.** — Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi (PAPP), Kampong Sultan Lama, Brunei telah mengadakan Mashuarat Agong Tahunan-nya bertempat di-Dewan PAPP baru2 ini.

Awang Mahmud bin Hussin, Yang Dipertua — Awang Mahmud bin Hussin. Timbalan Yang Dipertua — Awang Sulaiman bin Puteh. Setia Usaha Kehormat — Awang Ismail bin Apong. Timbalan Setia Usaha Kehormat — Pengiran Wahab bin Pengiran Kambar. Benda-hari Kehormat Awang Abdul-lah bin Besar.

Dalam uchapan-nya, beliau telah mengucapkan berbanyak2 terima kaseh kapada semua ahli2 persatuan-nya yang telah beker-jasama dalam berbagai2 lapangan untuk kebahagiaan persatuan itu. Awang Ismail bin Apong, Setia Usaha PAPP telah memberikan laporan berkenaan dengan per-jalanan PAPP dalam tahun yang lalu, serta mengenai Pengeluaran Derma Kebajikan (Suka/Duka) kapada ahli2 PAPP khas-nya dan penduduk2 Kampong Sultan Lama tam-nya.

### PEGAWAI2 BAHARU

Ahli2 Jawatan Kuasa Tabdir PAPP yang telah di-lantek dalam mashuarat tersebut bagi tahun 1965 ada-lah saperti di-bawah ini:

Yang Dipertua — Awang Mahmud bin Hussin. Timbalan Yang Dipertua — Awang Sulaiman bin Puteh. Setia Usaha Kehormat — Awang Ismail bin Apong. Timbalan Setia Usaha Kehormat — Pengiran Wahab bin Pengiran Kambar. Benda-hari Kehormat Awang Abdul-lah bin Besar.

Setia Usaha Penerangan — Awang Zaidi bin Taha. Setia Usaha Olahraga — Awang Zainal bin Hussin. Setia Usaha Kese-nian dan Kebudayaan — Awang Zam-Zam bin Awang Salim. Setia Usaha Kebajikan — Awang Tahir bin Bakir.

Ahli2 Jawatan Kuasa — Awang Osman bin Ahmad, Awang Wahab bin Abdul Latif, Awang Md. Zain bin Omar, Awang Ali bin Abdul Hamid, Awang Tuah bin Metussin, Awang Masri bin Apong dan Awang Hassan bin Md. Tahir.

## Keputusan Pepereksaan TRENGKAS DAN MENAIP

**BANDAR BRUNEI.** — Penuntut2 Brunei yang telah lulus dalam Pepereksaan Trengkas dan Menaip anjuran Trengkas Melayu Institute, Malaysia pada tahun 1964 ada-lah saperti di-bawah ini:

**PEPEREKSAAAN PERGURUAN MENAIP:** 1. M. Noordin bin Haji Tengah. 2. Awangku Metarshad bin Pengiran Metasan. 3. Serudin bin Md. Tarif. 4. Hassan bin Luis. 5. Tamit bin Hanafiah dan 6. Hamdan bin Haji Nawang.

**PEPEREKSAAAN PERGURUAN TRENGKAS:** 1. M. Noordin bin Haji Tengah. 2. Awangku Metarshad bin Pengiran Metasan. 3. Hassan bin Luis. 4. Hamdan bin Haji Nawang. 5. Serudin bin Md. Tarif dan 6. Tamit bin Hanafiah.

**PEPEREKSAAAN MENAIP PERINGKAT MENENGAH:** 1. Ibrahim bin Abdul Latif. 2. Md. Diah bin Abu Bakar. 3. Bujang bin Ibrahim. 4. Mohd. Said bin Mohd. Saleh. 5. Ya'zakub bin Md. Yassin. 6. Awangku Omarali bin Pengiran Mohamad. 7. Zaine bin Md. Daud. 8. Julaihi bin Md. Daud. 9. Sharbini bin Ibrahim. 10. Idris bin Abdullah. 11. Md. Taib bin Md. Yusof. 12. Md. Hussein bin Hassan dan 13. Naemah binti Zainal Abidin.

**PEPEREKSAAAN MENAIP PERINGKAT PERMULAAN:** 1. Saudah binti Suhaili. 2. Duraman bin Tuah. 3. Awang Ghafir bin Samat. 4. Dayang Rosidah binti Sulaiman. 5. Zainuddin bin Kula. 6. Awangku Zainal bin Pengiran Bustamam. 7. Awangku Hashim bin Pengiran Haji Mohamad. dan 8. Awangku Salleh bin Pengiran Bungsu.

**PEPEREKSAAAN TRENGKAS PERINGKAT MENENGAH:** 1. Dayangku Seri 'Alam binti Pengiran Ahmad. 2. Asmah binti Ali Ahmad. 3. Othman bin Abdul Hamid. 4. Zainuddin bin Kula. 5. Wan Abdul Rahman bin Wan Ali. 6. Md. Yusuf bin Haji Omar Ali dan 7. Pengiran Tuah bin Pengiran Mohamad.

**PEPEREKSAAAN TRENGKAS PERINGKAT PERMULAAN:** 1. Mohamad bin Tudin. 2. Sidek bin Abdul Hamid dan 3. Hamdan bin Abdullah.



## Terus tingkatkan kesedaran penjagaan kesihatan buah pinggang

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif,  
Bahagian Pelita Brunei

**P**ENYAKIT buah pinggang kronik merupakan salah satu cabaran kesihatan global yang serius, menjasikan lebih daripada 850 juta orang di seluruh dunia dan ia juga adalah penyebab kematian kelapan tertinggi di dunia, menyebabkan lebih daripada 3.1 juta kematian pada 2019. Jika tidak ada tindakan segera diambil, penyakit buah pinggang kronik berkenaan dijangka akan menjadi penyebab utama kematian kelima tertinggi menjelang tahun 2040.

Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah salah sebuah negara yang tidak terkecuali dan mempunyai kadar tertinggi bagi pesakit buah pinggang di peringkat akhir. Punca utama penyakit buah pinggang di NBD adalah kencing manis dan tekanan darah tinggi. Pendaftaran Dialisis dan Pemindahan Buah Pinggang Brunei Darussalam telah merekodkan seramai 1,018 individu menghidapi penyakit buah pinggang peringkat akhir pada 2023.

### Hari Buah Pinggang Sedunia 2025

Hari Buah Pinggang Sedunia akan disambut pada 13 Mac 2025. Namun, meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kesihatan buah pinggang harus menjadi usaha yang berterusan.

Tema pada tahun ini ialah 'Adakah Buah Pinggang Awda OK? Kesan Awal, Lindungi Kesihatan Buah Pinggang' (Are Your Kidneys OK? Detect Early, Protect Kidney Health), mengimbau kembali fokus 20 tahun lalu, meraikan dua dekad dedikasi terhadap kesihatan buah pinggang. Tema ini menekankan kepentingan mengenal pasti faktor risiko penyakit buah pinggang dan memastikan ujian dilakukan tepat pada masanya bagi meningkatkan pengesanan

awal dan intervensi.

Sempena Hari Buah Pinggang Sedunia, kita disarankan untuk makan secara sihat sepanjang masa, sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif melaksanakan apa sahaja yang mampu meningkatkan kesedaran berkenaan kepentingan menjaga kesihatan buah pinggang yang dapat membantu mengurangkan tekanan darah dan mengurangkan risiko penyakit buah pinggang yang kronik. Kita juga perlu memantau tahap gula darah terutama bagi penghidap diabetes dan juga pantau tekanan darah kerana tekanan darah tinggi bukan saja boleh membawa kepada strok dan serangan jantung tetapi turut menjadi penyebab utama kerosakan buah pinggang.

Makan secara sihat mampu mencegah diabetes, penyakit jantung dan penyakit-penyakit lain yang berkaitan dengan penyakit buah pinggang kronik. Kurangkan pengambilan garam dengan hanya 5 hingga 6 gram garam dalam sehari. Kurangkan pengambilan makanan yang telah diproses dan makanan yang dibeli daripada restoran dengan cara menyediakan makanan awda sendiri. Selain itu, minum air yang cukup setiap hari untuk menyingkirkan sodium, urea dan toksin daripada tubuh badan.

Merokok memperlambangkan aliran darah ke buah pinggang dan apabila kurang darah yang sampai ke buah pinggang, ia akan menjasikan buah pinggang untuk berfungsi dengan baik. Merokok turut meningkatkan risiko untuk menghidap kanser buah pinggang sebanyak 50 peratus.

Ubat anti-radang bukan steroid seperti ibuprofen diketahui boleh menyebabkan kerosakan dan penyakit buah pinggang jika diambil dengan kerap. Ia mungkin tidak membahayakan sekiranya buah pinggang berada dalam keadaan yang sihat dan ubat tersebut digunakan ketika kecemasan sahaja. Sekiranya awda mempunyai sakit

kronik seperti artritis atau sakit belakang, jumpa doktor untuk mencari solusi bagaimana untuk mengurangkan kesakitan yang dialami tanpa merisikkan buah pinggang.

Sekiranya terdapat satu atau beberapa faktor berisiko tinggi seperti diabetes, hipertensi, obesiti, salah seorang daripada ahli keluarga menghidap penyakit buah pinggang, jalani pemeriksaan untuk memastikan fungsi buah pinggang awda berada dalam keadaan yang baik. Pemeriksaan awal mampu mengelakkan sebarang penyakit buah pinggang yang kronik daripada berlaku.

### Sistem Pemantauan Data Pesakit Dialisis Peritoneal

Pengenalan Sistem Pemantauan Data Pesakit Dialisis Peritoneal pada tahun lalu merupakan satu langkah penting dalam usaha Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Renal untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan bagi pesakit yang menghidap masalah buah pinggang.

Kelebihan penggunaan sistem ini adalah kemampuannya untuk mengesan masalah pesakit dengan lebih awal semasa rawatan Dialisis Peritoneal dijalankan, membolehkan para profesional kesihatan mengambil tindakan segera yang seterusnya dapat mengurangkan keperluan rawatan di hospital. Selain itu, menerima maklumat secara real-time juga membolehkan para profesional kesihatan menyesuaikan pengaturan mesin dialisis pesakit di rumah tanpa perlu menunggu pesakit datang ke klinik mengikut perjanjian yang diberikan.

Pada tahun 2023, Perkhidmatan Dialisis Peritoneal mencapai kadar penembusan melebihi 15 peratus dalam tempoh satu tahun dan ini merupakan pencapaian yang signifikan sejak Perkhidmatan Dialisis

Peritoneal diperkenalkan di NBD. Sehingga pertengahan Februari 2024, terdapat 154 pesakit yang menjalani rawatan Dialisis Peritoneal di negara ini.

Dialisis Peritoneal adalah satu prosedur di mana pesakit boleh melakukan rawatan dialisis sendiri di rumah, tempat kerja atau semasa melancong. Mengambil kira akan kemudahan berkenaan pesakit Dialisis Peritoneal selalunya masih dapat mengekalkan kehidupan mereka seperti biasa, iaitu jika pesakit menjalani rawatan Dialisis Peritoneal pada waktu malam, pesakit masih boleh melakukan aktiviti harian pada waktu siang.

Sementara rawatan hemodialisis, memberi kesan yang ketara dalam kehidupan pesakit kerana ia mengambil masa sekurang-kurangnya empat jam, tiga kali seminggu untuk berada di Pusat Dialisis dan memerlukan kehadiran jururawat yang terlatih untuk membuat rawatan berkenaan.

### Penutup

NBD sangat beruntung kerana perkhidmatan kesihatan boleh diakses oleh semua rakyat dan penduduk di negara ini. Tambahan lagi pelbagai rawatan dan ubat-ubatan diberi secara percuma jika dibandingkan di negara-negara lain. Walau bagaimanapun, ia adalah tanggungjawab kita untuk sama-sama berusaha mengamalkan gaya hidup sihat, aktif, mengelakkan merokok dan mengikuti pemakanan yang sihat serta seimbang dengan pengambilan ubat-ubatan yang berkesan.

Kementerian Kesihatan akan terus berusaha dalam menyediakan penjagaan yang mudah diakses kepada semua, bukan sahaja bagi penyakit buah pinggang, tetapi bagi semua penyakit tidak berjangkit, yang selaras dengan Matlamat Kedua dalam Wawasan Brunei 2035 iaitu 'Kualiti Kehidupan Yang Tinggi'.



# MOGOK DI LAPANGAN TERBANG UTAMA DIJANGKA GANGGU PERJALANAN SELURUH JERMAN

**BERLIN/FRANKFURT**, 10 Mac. - Mogok bermula di lapangan terbang utama Jerman pada tengah malam Ahad (23:00 GMT), dengan pekerja perkhidmatan awam, kakitangan darat dan keselamatan penerbangan diarah untuk berhenti kerja selama 24 jam oleh kesatuan sekerja Verdi dalam dua pertikaian gaji berbeza, lapor agensi berita Jerman dpa.

Mogok seterusnya dikemudahan yang dikendalikan oleh kerajaan persekutuan dan pihak berkuasa tempatan juga akan diteruskan minggu ini, menurut jurucakap Verdi. Pusingan ketiga rundingan gaji dijadual berlangsung di Potsdam,

berhampiran Berlin pada Jumaat.

Mogok gaji itu bertujuan untuk melumpuhkan pengangkutan udara di sebahagian besar Jerman, dengan persatuan lapangan terbang ADV meramalkan bahawa lebih 3,400 penerbangan akan dibatalkan dan 510,000 penumpang tidak dapat menaiki pesawat seperti yang dijadualkan.

Mogok sektor awam yang dirancang sejak Jumaat itu turut disertai pekerja dalam sektor keselamatan penerbangan termasuk mereka yang bertugas dalam kawalan penumpang dan kakitangan, barang dan kargo serta di kawasan perkhidmatan.

Perjanjian buruh kolektif baharu sedang dirundingkan bagi

kumpulan pekerja itu dengan pusingan rundingan seterusnya dijadualkan pada 26 dan 27 Mac.

Menurut kawalan trafik udara Jerman, kira-kira 6,000 pergerakan penerbangan berlaku setiap hari di lapangan terbang Jerman, dengan 3,000 lagi melintasi ruang udara Jerman.

Verdi telah mengarahkan pekerja perkhidmatan awam serta kakitangan darat yang bertanggungjawab membersihkan, memuatkan dan mengisi bahan api pesawat untuk menyertai mogok di hab utama Frankfurt, serta di lapangan terbang Munich, Stuttgart, Cologne/Bonn, Dusseldorf, Dortmund,

Hanover, Bremen, Hamburg, Berlin-Brandenburg dan Leipzig-Halle.

Tiada penumpang dapat menaiki pesawat di Frankfurt, lapangan terbang paling sibuk di Jerman, dan

penerbangan transit hampir pasti terjejas, menurut pengendali lapangan terbang Fraport. Pekerja di Frankfurt dijadual mengadakan perhimpunan pada siang hari. - ©BERNAMA

## Jumlah pelancong asing ke Heng Dian World Studio naik 1,000 peratus

**BEIJING**, 10 Mac. - Jumlah pelancong asing yang berkunjung ke Heng Dian World Studio pada 2024 meningkat hampir 10 kali ganda berbanding tahun sebelumnya.

Peningkatan itu berikutan dasar kemudahan visa yang dilaksanakan China dan populariti filemnya di luar negara. Semakin ramai pelancong asing mahu melawat lokasi penggambaran filem dan menikmati keindahan semula jadi China.

Dabila Vian, seorang pelancong asing yang juga peminat filem 'Ne Zha 2', gemar menonton filem kung fu China sejak kecil dan amat berminat dengan watak kesatria dalam filem China.

Dabila Vian dan rakannya yang berkunjung ke studio Heng Dian berpeluang mengenakan pakaian tradisional China dan berasa seolah-olah berada dalam filem China.

Selain studio Heng Dian, Dabila dan rakannya merancang untuk melawat lokasi penggambaran itu dan pergi ke Hangzhou, Wenzhou, Jinhua serta tempat-tempat lain untuk menikmati keindahan alam, budaya dan sejarah China.

Mereka juga akan berkongsi pengalaman di negara Tembok Besar dengan keluarga dan rakan melalui gambar dan video. - ©BERNAMA

## Hari Komanwel 2025 : Malaysia ulangi komitmen terhadap perpaduan dan pembangunan mampan

**PUTRAJAYA**, 10 Mac. - Malaysia mengulangi komitmennya untuk memupuk perpaduan, daya tahan ekonomi dan pembangunan mampan dalam kalangan negara-negara Komanwel, bagi masa depan yang lebih baik untuk semua, menurut Kementerian Luar Negeri.

Dalam satu kenyataan, kementerian memaklumkan bahawa Malaysia, bersama 55 negara Komanwel turut meraikan Hari Komanwel 2025 yang disambut pada 10 Mac 2025.

"Tema tahun ini, 'Together We Thrive', memaparkan kerjasama erat yang berterusan antara negara Komanwel dalam memperkuatkuhan nilai dan prinsip bersama, serta mencapai pembangunan yang inklusif dan mampan."

Sambutan tahun ini juga signifikan dengan peningkatan hubungan Malaysia-United Kingdom kepada perkongsian strategik, susulan lawatan kerja Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) ke United Kingdom dari 14 hingga 19 Januari 2025," menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

## Setiausaha Perdagangan AS sahkan rancangan tarif 25 peratus ke atas aluminium, keluli mulai 12 Mac

**WASHINGTON**, 10 Mac. - Amerika Syarikat (AS) tetap berhasrat mengenakan duti 25 peratus ke atas semua import aluminium dan keluli ke negara itu mulai 12 Mac, menurut Setiausaha Perdagangan AS, Howard Lutnick pada Ahad.

"Ya," kata Lutnick kepada NBC News apabila ditanya sama ada tarif ke atas keluli dan aluminium akan berkuat kuasa pada Rabu, lapor Sputnik/RIA Novosti.

Pada masa yang sama, beliau menjelaskan bahawa tiada rancangan untuk mengenakan cukai 250 peratus ke atas produk tenusu dan kayu Kanada mulai minggu depan.

Keputusan mengenai langkah itu dijangka dibuat menjelang 2 April, apabila perjanjian perdagangan bebas tiga hala antara AS, Kanada dan Mexico tamat tempoh.

Pada 18 Feb, Presiden AS Donald Trump menandatangani perintah eksekutif yang mengenakan cukai tambahan 25 peratus ke atas semua import keluli dan aluminium ke negara itu. - ©BERNAMA

## New Zealand sasar lonjakan eksport mineral, projek perlombongan besar dijangka beroperasi 2026

**WELLINGTON**, 10 Mac. - New Zealand bakal menyaksikan perkembangan pesat dalam sektor perlombongan apabila satu lagi projek berskala besar dijangka memulakan pengeluaran komersial menjelang 2026.

Langkah itu seiring dengan matlamat kerajaan untuk menggandakan hasil eksport mineral kepada NZ\$3 bilion (AS\$1.71 bilion) menjelang 2035.

Menteri Sumber, Shane Jones

berkata operasi berkenaan berpotensi mewujudkan 250 peluang pekerjaan serta menyumbang NZ\$350 juta kepada sasaran negara.

Projek yang dikendalikan oleh Federation Mining ini melibatkan lombong emas bawah tanah Snowy River di Reefton, South Island dan dijangka memulakan pengeluaran emas setelah hampir 25,000 meter kerja penerokaan penggerudian dilaksanakan, kata

Jones.

Ketika ini, tumpuan utama projek adalah pembangunan loji pemprosesan, dengan pembinaan dijadualkan bermula pada pertengahan 2025.

Pada Februari lalu, projek berkenaan menyuntik NZ\$2.9 juta ke dalam ekonomi wilayah New Zealand, termasuk NZ\$1 juta yang memberi manfaat langsung kepada kawasan West Coast. - ©BERNAMA

## Rubio lawat Arab Saudi, Kanada bincang mengenai Ukraine, keselamatan global

**WASHINGTON**, 10 Mac. - Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS) Marco Rubio akan mengadakan lawatan rasmi ke Arab Saudi dan Kanada minggu ini bagi perbincangan peringkat tinggi berhubung perang Rusia-Ukraine serta isu keselamatan global, lapor Anadolu Ajansi (AA) memetik kenyataan Jabatan Negara AS pada Ahad.

Rubio dijadual memulakan lawatannya ke Jeddah pada Isnin selama tiga hari dan akan bertemu

rakan sejawatannya dari Ukraine sebagai sebahagian daripada usaha Washington untuk menamatkan konflik.

Beliau juga akan mengadakan pertemuan dengan Putera Mahkota Arab Saudi Mohammed bin Salman bagi membincangkan isu serantau serta langkah memperkuat hubungan AS-Arab Saudi, menurut jurucakap Jabatan Negara, Tammy Bruce.

Selepas pertemuan itu, Rubio akan berlepas ke Charlevoix, Kanada pada Rabu bagi

menghadiri mesyuarat menteri luar G7 selama tiga hari, yang bertujuan mengukuhkan visi dasar luar 'America First' Presiden Donald Trump, kata Bruce.

Ketegangan antara Kanada dan AS semakin meningkat sejak beberapa minggu lalu berikut cadangan Trump untuk mengenakan tarif serta kenyataannya yang mencadangkan bahawa negara jiran di utara AS itu sepatutnya menjadi sebahagian daripada wilayahnya. - ©BERNAMA

## Angka korban akibat ribut di selatan Argentina meningkat kepada 15

**BUENOS AIRES**, 10 Mac. - Angka korban akibat ribut kencang yang melanda bandar pelabuhan Bahia Blanca di selatan Argentina pada Jumaat meningkat kepada 15 orang, menurut pihak berkuasa tempatan pada Ahad, lapor Xinhua.

Datuk Bandar Bahia Blanca, Federico Susbielles berkata jumlah

kematian dijangka meningkat.

Sekurang-kurangnya 1,450 penduduk telah dipindahkan, manakala 100 lagi dilaporkan hilang, menurut kemas kini pihak berkuasa perbandaran Bahia Blanca.

Kerajaan Argentina melancarkan operasi bantuan dan pemindahan melibatkan

kementerian pertahanan dan keselamatan serta kerajaan wilayah Buenos Aires.

Ribut yang melanda pada Jumaat lalu merupakan ribut terburuk dalam sejarah bandar itu, sekali gus memecah rekod taburan hujan yang dicatatkan sejak Mac 1933, menurut data rasmi. - ©BERNAMA

# SENTIMEN EKONOMI JEPUN MEROSOT UNTUK BULAN KEDUA



**TOKYO**, 11 Mac. - Satu kaji selidik dikeluarkan oleh Pejabat Kabinet Jepun pada Isnin menunjukkan indeks keadaan ekonomi semasa jatuh 3.0 mata daripada bulan sebelumnya kepada 45.6 pada Februari, menandakan penurunan bulan kedua berturut-turut.

Indeks itu, yang menilai sentimen ekonomi berdasarkan pendapat daripada mereka yang bekerja dalam pelbagai industri, merupakan penunjuk utama arah aliran ekonomi di Jepun. Bacaan di atas 50 menunjukkan peningkatan ekonomi, manakala di bawah 50 menunjukkan keadaan yang semakin teruk.

Penurunan Februari sebahagian

besarnya disebabkan oleh cuaca yang lebih sejuk daripada biasa, yang tidak menggalakkan pengguna keluar dan melembapkan jualan runcit. Berdasarkan data itu, kerajaan menurunkan penilaian keseluruhan ekonominya buat kali pertama dalam tempoh 10 bulan, dengan menyatakan bahawa walaupun ekonomi kekal dalam aliran pemuliharan sederhana, tanda-tanda kelemahan telah muncul.

Antara komponen indeks keadaan semasa, aktiviti isi rumah dan korporat merosot. Indeks berkaitan isi rumah jatuh 4.1 mata kepada 44.5, didorong oleh penurunan 4.8 mata dalam sektor

runcit. Cuaca sejuk yang berpanjangan tidak menggalakkan pelanggan keluar, yang membawa kepada penurunan trafik dan jualan, lapor sebuah gedung serbaneka di wilayah Tokai.

Indeks aktiviti perniagaan juga jatuh sebanyak 1.5 mata kepada 47.4 kerana perbelanjaan pengguna yang lemah disebabkan oleh yen yang lemah, kos tenaga yang meningkat dan inflasi yang tinggi telah menyebabkan penurunan dalam permintaan logistik. Indeks tinjauan, yang mencerminkan jangkaan ekonomi untuk dua hingga tiga bulan akan datang, juga turun 1.4 mata kepada 46.6. - ©XINHUA



SEBUAH jalan raya yang sebahagiannya ditutupi dengan salji di pinggir Sapporo, Hokkaido, Jepun.

## Persekutuan Agensi Berita OIC buka pejabat di Palestin

**RAMALLAH**, 11 Mac. - Persekutuan Agensi Berita Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) telah merasmikan pejabat luar pertamanya di Palestin, yang terletak di ibu pejabat Agensi Berita Palestin (WAFA) di Ramallah.

Menurut WAFA, majlis perasmian itu dihadiri oleh Penyelia Am Media Rasmi di Palestin Ahmad Assaf, Setiausaha Agung OIC Hissein Brahim Taha, Pemangku Pengurus Majlis Eksekutif Persekutuan Agensi Berita OIC Ali Al-Zaid, Ketua Pengarah Persekutuan

Mohammad Al-Yami serta Wakil Tetap Palestin ke OIC, Hadi Shibli. Assaf menyifatkan acara itu sebagai satu pencapaian bersejarah, dan menyatakan bahawa perasmian berkenaan menyampaikan mesej solidariti yang kuat dengan rakyat Palestin dan perjuangan mereka yang adil.

"Langkah ini menegaskan semula hak rakyat Palestin ke atas tanah air mereka serta sokongan tidak berbelah bahagi OIC terhadap hak itu.

"Ia juga merupakan langkah ke arah penubuhan sebuah negara

Palestin merdeka berdasarkan sempadan 4 Jun 1967, dengan Baitulmuqaddis Timur sebagai ibu negaranya," katanya.

Beliau menekankan peranan penting media rasmi Palestin, khususnya WAFA, dalam memperkuuh naratif Palestin.

Assaf turut mengiktiraf sokongan berterusan OIC dalam melindungi tempat suci Islam dan Kristian, khususnya Masjid Al-Aqsa, selain membantu rakyat Palestin dalam perjuangan mereka untuk menentukan nasib sendiri, kebebasan dan kemerdekaan. -

©BERNAMA

## "Kopi Penumbuk" dikesan kandungi Tadalafil

**SINGAPURA**, 11 Mac. - "Kopi Penumbuk", produk kopi dari Malaysia dikesan mengandungi Tadalafil, ubat terkawal yang digunakan untuk merawat disfungsi erektil dan hanya boleh diambil di bawah pengawasan perubatan, menurut Agensi Makanan Singapura (SFA).

Agensi itu menasihatkan pengguna agar tidak membeli atau mengambil produk yang dipasarkan di platform e-dagang tempatan sebagai produk kopi dengan dakwaan mempunyai kesan peningkatan seksual bagi lelaki.

"SFA telah bekerjasama dengan pelbagai platform e-dagang dalam talian untuk mengeluarkan senarai

produk ini dan mengeluarkan amaran kepada penjual agar menghentikan penjualan produk itu dengan serta-merta," menurut agensi itu dalam kenyataan pada Isnin.

Menurut SFA, penggunaan Tadalafil yang tidak wajar adalah berbahaya dan boleh meningkatkan risiko kesan sampingan serius, termasuk serangan jantung, strok, sakit kepala, migrain, degupan jantung tidak teratur serta priapisme.

Ia juga boleh menimbulkan risiko serius kepada individu tertentu, terutamanya mereka yang mempunyai masalah berkaitan jantung. -

©BERNAMA

Penjualan makanan yang tidak selamat tidak dibenarkan di bawah Seksyen 15 Akta Jualan Makanan Singapura.

Jika disabitkan kesalahan, individu boleh didenda tidak melebihi \$5,000 (\$1=RM3.30) dan dalam kes sabitan kedua atau seterusnya, denda tidak melebihi \$10,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga bulan, atau kedua-duanya sekali. -

©BERNAMA

## Latihan bersama 'Security Belt - 2025' China, Iran, Rusia 2025 bermula

**CHABAHAR PORT (Iran)**, 11 Mac. - Latihan ketenteraan bersama 'Security Belt- 2025' antara China, Iran dan Rusia dimulakan di sini, pada 9 Mac.

Bertemakan 'Bina Keamanan dan Keselamatan Bersama', latihan ketenteraan bersama itu akan diadakan di perairan sekitar Chabahar Port dari 9 hingga 13 Mac.

Pihak tentera laut China yang

mengikuti latihan itu adalah kumpulan ke-47 armada pengiring, kapal pemusnah peluru berpandu Baotou, dan kapal pembekal bersepadu Gaoyouhu.

Latihan itu akan memfokuskan kepada subjek menyerang sasaran di laut, VBSS, kawalan kerosakan, dan operasi mencari dan menyelamat bersama, yang bertujuan untuk mengukuhkan rasa saling percaya dan

memperkasakan kerjasama praktikal antara tentera negara terbabit.

Selain itu, Afrika Selatan, Pakistan, dan Oman menghantar pemerhati ke latihan itu.

Armada kapal Tentera Laut China tiba di perairan berhampiran Chabahar Port, sebelum menyelesaikan perkumpulan dengan kapal daripada tentera laut Iran dan Rusia pada pagi 9 Mac. - ©BERNAMA

## X alami gangguan global, ribuan pengguna terjejas

**ISTANBUL**, 11 Mac. - Platform media sosial X mengalami gangguan pada Isnin, menjaskan ribuan pengguna di seluruh dunia, menurut laman pengesah gangguan Downdetector.com, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Kira-kira 90,000 pengguna X melaporkan masalah pada dua waktu berasingan sepanjang hari.

Downdetector mengumpul data daripada laporan yang dikemukakan oleh pengguna, yang bermakna bilangan sebenar pengguna terjejas mungkin lebih tinggi.

Cisco turut melaporkan bahawa gangguan itu memberi kesan kepada puluhan pelayan di seluruh dunia. - ©BERNAMA

## Volkswagen akan bangunkan kereta elektrik baharu di Portugal

**WOLFSBURG**, 11 Mac. - Volkswagen (VW) akan mengeluarkan model hatchback elektrik terbaharunya di Portugal, lapor agensi berita Jerman dpa.

Model ID. Every1 yang diperkenalkan minggu lalu akan dikilangkan di kilang VW di Palmela, Portugal, menurut Ketua Jenama VW, Thomas Schafer pada Isnin.

Kereta elektrik itu dijangka dipasarkan pada 2027, dengan harga jualan bermula sekitar .20,000.

Schafer menjelaskan bahawa kilang di Portugal dipilih kerana ia merupakan antara yang paling menjimatkan kos dalam kumpulan syarikat itu.

Pada masa ini, model T-Roc turut dihasilkan di kemudahan yang sama. - ©BERNAMA

## Tanah runtu di Colombia ragut 4 nyawa, 100 keluarga hilang tempat tinggal

**BOGOTA**, 11 Mac. - Tanah runtu di wilayah Narino, selatan Colombia meragut empat nyawa dan menyebabkan kira - kira 100 keluarga hilang tempat tinggal, menurut pihak berkuasa tempatan pada Isnin.

"Hujan lebat mencetuskan kejadian tanah runtu di beberapa bandar, hingga mengorbankan empat nyawa dan mengakibatkan kerosakan besar di El Encano, bandar Pasto," kata Gabenor Narino, Luis Alfonso Escobar di platform media sosial X, lapor Xinhua.

Pihak berkuasa sedang berusaha membersihkan laluan yang terhalang serta membekalkan air bersih menggunakan lori tangki, kata Escobar.

Di bandar La Cruz, 100 keluarga turut terjejas akibat banjir, manakala tiga jambatan pejalan kaki dihanyutkan arus.

Setakat ini, sebanyak 24 bandar meminta bantuan jentera untuk membersihkan jalan serta menangani kejadian tanah runtu. -

©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



## TEMPAT PERTAMA UNTUK SKIMO DI MILAN 2026 DIPERUNTUKKAN PADA 2025

**BEIJING**, 10 Mac. - Persekutuan Pendaki Gunung Ski Antarabangsa (ISMF) mengumumkan bahawa lapan atlet - empat lelaki dan empat wanita telah memperoleh tempat kelayakan pertama untuk kemunculan sulung Olimpik pendaki gunung ski di Sukan Musim Sejuk Milan-Cortina 2026, selepas tamatnya Kejohanan Dunia Pendakian Ski 2025.

Mengikut sistem kelayakan, mendaki gunung ski di Milan 2026 akan menampilkan 18 lelaki dan 18 wanita, berjumlah 36 atlet. Pesaing ini akan mengambil bahagian dalam acara lari berganti-ganti campuran dan pecut. Kuota diperuntukkan kepada Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan (NOC), setiap satu dibenarkan menghantar maksimum dua atlet lelaki dan dua atlet wanita. Pemilihan atlet untuk tempat ini adalah mengikut budi bicara NOC, tertakluk kepada syarat kelayakan.

Pada Kejohanan Dunia, dua pasukan teratas dalam lari berganti-ganti campuran memperoleh satu tempat kuota lelaki dan satu perempuan untuk NOC masing-masing. Dalam acara pecut lelaki dan wanita, dua penyudah teratas juga memperoleh satu tempat kuota setiap satu untuk NOC mereka.

Gelaran berganti-ganti campuran ditutup

oleh gandingan Perancis, Emily Harrop dan Thibault Anselmet dengan masa penamat 32 minit dan 44.1 saat, diikuti pemain Sepanyol, Ana Alonso Rodriguez dan Oriol Cardona Coll, yang menamatkan saingan 0.9 saat di belakang.

Dalam acara pecut lelaki, Coll mencatat masa 2:42.4 untuk merampas emas dan perak disandang Anselmet, yang ketinggalan 5.3 saat. Marianne Fattou dari Switzerland memenangi acara pecut wanita dengan catatan masa 3:09.9, diikuti Harrop, yang menamatkan perlumbaan 1.3 saat di belakang.

Dengan keputusan ini, Perancis memperoleh kuota maksimum dua lelaki dan dua wanita. Sepanyol memperoleh dua tempat lelaki dan satu tempat wanita, menyebabkan mereka kekurangan satu kuota wanita daripada pasukan penuh. Switzerland mendapat satu kuota wanita.

Bagi Pasukan China, keputusan terbaik dalam kategori senior ialah dua penamat di tempat ke-12, dicapai oleh Cidan Yuzhen dalam perlumbaan menegak wanita dan Yisimayi Tuohetaraili dalam pecut lelaki. - ©XINHUA

PARA atlet semasa beraksi.



## Perasaan Kian Meng bercampur baur menjelang aksi pembukaan seluruh England

**KUALA LUMPUR**, 10 Mac. - Pemain beregu campuran profesional negara, Tan Kian Meng mengakui perasaannya bercampur baur menjelang penampilan terakhir pada siri Jelajah Dunia Persekutuan Badminton Dunia (BWF) iaitu kejohanan Seluruh England yang akan membuka tirainya esok.

Kian Meng berkata meskipun sedih akan 'menggantung raket' selepas kejohanan berprestij itu, beliau dalam masa sama teruja untuk memulakan karier baharu sebagai usahawan dalam talian.

Justeru, beliau berharap mampu memberikan persembahan terbaik, sekali gus menjadi hadiah perpisahan terbaik buat pasangannya, Lai Pei Jing selepas hampir sembilan tahun digandingkan bersama.

"Memang ada fikir untuk beri hadiah

perpisahan terbaik (kepada Pei Jing). Jadi, ia mungkin satu motivasi untuk kami beraksi lebih baik pada perlawanan terakhir kami," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Dalam pada itu, Kian Meng ketika mengulas mengenai lawannya dari Taiwan Chen Cheng Kuan-Hsu Yin Hu pada pusingan pertama berkata beliau dan pasangan mempunyai kelebihan untuk memenangi perlawanan di Utilita Arena Birmingham berkenaan.

Beliau bagaimanapun tetap berwaspada dengan ancaman lawannya itu, yang mampu menyebabkan mereka tersingkir awal pada kejohanan bertaraf Super 1,000.

"Walaupun nampak kita ada kelebihan, tetapi kami akan tetap berjuang lawan mereka," katanya. - ©BERNAMA

## Cristiano Ronaldo cipta rekod baharu dengan jaringan ke-927 dalam kerjaya

**KAHERAH**, 11 Mac. - Cristiano Ronaldo terus menentang faktor usia apabila menjaringkan gol ke-927 dalam kariernya ketika membantu Al-Nassr mencatat kemenangan 3-0 dalam saingan Liga Juara-Juara Asia pada Isnin.

Sejak menyambut ulang tahun ke-30, Ronaldo, yang kini berusia 40 tahun, sudah menjaringkan 464 gol, melebihi 463 gol yang dicatatkan sebelum usia itu, menurut data yang dikumpulkan oleh akhbar sukan harian Sepanyol, ASdan portal berita Goal.com, lapor agensi berita Jerman dpa.

Dalam perlawanan menentang kelab Iran, Esteghlal Tehran, pada Isnin, Ronaldo menyempurnakan sepakan penalti pada minit ke-27 untuk memberikan kelebihan 2-0 kepada Al-Nassr, sekali gus memastikan

kemenangan serta membantu pasukannya mara ke suku akhir.

Bintang Portugal itu terlepas aksi pertama yang berakhir dengan keputusan seri 0-0.

Meskipun usianya semakin meningkat, pemenang lima kali anugerah Ballon d'Or itu terus menunjukkan prestasi cemerlang untuk kelab dan negaranya.

Dalam musim ini sahaja, Ronaldo menjaringkan 27 gol dalam perlawanan rasmi bersama kelab Liga Pro Saudi, Al-Nassr.

Ronaldo bertekad untuk mencapai sasaran 1,000 gol dalam kariernya, namun seperti yang dinyatakan dalam satu temu bual awal tahun ini, beliau sudah menganggap dirinya sebagai yang terbaik dalam sejarah. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

SYUKURI NIKMAT KESIHATAN YANG DIANUGERAHKAN OLEH ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA